

TERMA DAN SYARAT YANG MENTADBIR AKAUN DAN PERKHIDMATAN (PERBANKAN KONVENSIONAL)

(Pelanggan Individu) (Tarikh Efektif: 1 April 2026)

Kami mempunyai rangkaian produk dan perkhidmatan yang luas yang mungkin sesuai dengan keperluan anda. Setiap produk atau perkhidmatan tersebut ditadbir oleh terma dan syaratnya sendiri.

Dokumen ini menetapkan terma dan syarat am bagi akaun dan perkhidmatan yang kami mungkin persetujuan untuk menyediakan kepada anda dari semasa ke semasa. Terma dan syarat ini akan mengikat anda, oleh itu, adalah penting bahawa anda membaca dan memahami dokumen ini. Sila rujuk kepada Bahagian I (Makna Perkataan) untuk definisi perkataan yang digunakan dalam dokumen ini.

KANDUNGAN

	<i>Muka surat</i>		<i>Muka surat</i>
Bhg. A. Pengenalan			
1. Terma ini	2	25. Agen Kami	15
		26. Sekatan dan Pencegahan Pengubahan Wang Haram	15
Bhg. B. Pengendalian Akaun		27. Pengekalan Rekod Anda	16
2. Pembukaan Akaun	2	28. Cukai, Duti atau Levi	16
3. Arahan	2	29. Hak untuk Mendebit	16
4. Deposit	4	30. Kos dan Perbelanjaan	16
5. Pengeluaran	5	31. Pengelakan Pembayaran	16
6. Fi dan Caj	6	32. Akaun dalam Amanah	16
7. Akaun Tidak Aktif / Dorman / Wang Tidak Dituntut	6	33. Hak Tolak Selesai dan Penggabungan	17
8. Penutupan / Penggantungan/ Penamatan Akaun	6	34. Keadaan Di Luar Kawalan Kami	17
		35. Indemniti	17
Bhg. C. Terma Am untuk Akaun		36. Tiada Penepian	18
9. Terma Am untuk Akaun	7	37. Kebolehasingan	18
		38. Remedi Kumulatif	18
Bhg. D. Overdraf, Akaun yang Dikaitkan		39. Perlindungan Hak dan Kelayakan	18
10. Overdraf	8	40. Penyerahan Hak	18
		41. Undang-undang yang Mentadbir	18
Bhg. E. Perkhidmatan Am		42. Pengikatan Pengganti	18
11. Kad Debit	9	43. Penyampaian Proses Undang-undang	18
12. Perjanjian Ahli Kad Visa / Mastercard UOB	9	44. Pemindaan	19
13. Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB	9	Bhg. H. Terma untuk Akaun dan Perkhidmatan Tertentu	
14. Terma dan Syarat Perbankan Internet Peribadi dan Perkhidmatan Mudah Alih UOB	9	45. Faedah	19
15. Cek / Buku Cek	9	46. Baki Purata Bulanan	19
		47. Akaun Simpanan	19
Bhg. F. Notis, Komunikasi, Penyata dan Rekod		48. Akaun Semasa	27
16. Notis dan Komunikasi	10	49. Akaun Deposit Tetap	30
17. Buku Simpanan dan Penyata Akaun	10	50. Akaun Mata Wang Asing	32
		Bhg. I. Makna Perkataan	34
Bhg. G. Am			
18. Perwakilan dan Jaminan Am	12		
19. Perwakilan Dan Jaminan Jenayah Kewangan	12		
20. Pendedahan Maklumat	13		
21. Perlindungan Data	13		
22. Pematuhan pada Perintah Mahkamah	14		
23. Pematuhan FATCA	15		
24. Carian	15		

BHG A. PENGENALAN	
1.	Terma ini
1.1	Dengan memohon, mengekalkan atau menggunakan mana-mana Akaun atau Perkhidmatan, anda mematuhi semua terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini, termasuk sebarang pindaan yang dilakukan dari semasa ke semasa (secara kolektif dikenali sebagai "Terma"). Anda dianggap telah membaca, memahami dan menerima Terma.
1.2	Terma ini akan digunakan untuk:- (a) mana-mana Akaun dan Perkhidmatan yang anda kekalkan dengan kami pada waktu ini; (b) mana-mana Akaun dan Perkhidmatan yang kami mungkin sediakan kepada anda dari semasa ke semasa; dan (c) setiap kali anda menggunakan Akaun dan Perkhidmatan.
BHG. B. PENGENDALIAN AKAUN	
2.	Pembukaan Akaun
2.1	Untuk memohon sesuatu Akaun, anda perlu mengisi borang pembukaan akaun ("Permohonan Akaun") standard kami dan berikan kepada kami mandat sedemikian (jika ada), tandatangan contoh dan sebarang dokumen atau maklumat lain yang mungkin diperlukan oleh kami. Permohonan Pembukaan Akaun melalui Perbankan Internet Peribadi ("PIB")
2.2	Anda boleh memohon untuk membuka One Account, Akaun Stash, Akaun Savings Plus, Akaun InvestPro, Akaun Mata Wang Asing, Lady's Savings Account atau Akaun Deposit Tetap (selain Akaun FD Plus) melalui PIB ("Permohonan Dalam Talian") jika anda: a) seorang warganegara Malaysia; b) berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan; c) telah berjaya melanggan PIB; dan d) adalah pemegang akaun individu tunggal bagi sekurang-kurangnya satu daripada akaun berikut (bukan akaun amanah), dengan kami: - (i) akaun simpanan; (ii) akaun semasa; (iii) akaun deposit tetap; atau (iv) akaun kad kredit (kecuali akaun Label Peribadi, Perniagaan, Pembelian dan Kad Korporat).
2.3	Permohonan Dalam Talian tidak boleh digunakan untuk permohonan akaun bersama atau akaun amanah.
2.4	Kami boleh, menolak sebarang Permohonan Akaun atau Permohonan Dalam Talian tanpa memberikan apa-apa sebab.
2.5	Jika anda hanya mempunyai akaun Kad Kredit sedia ada dan anda memohon untuk mana-mana Akaun yang dinyatakan dalam Klausa 2.2 di atas melalui PIB, anda diperlukan untuk mengunjungi mana-mana cawangan kami untuk mengaktifkan Akaun sebelum anda boleh menggunakan Akaun tersebut.
2.6	Kami berhak untuk menutup Akaun yang dibuka menurut Permohonan Dalam Talian selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh pembukaan akaun jika: a) terdapat baki sifar dalam Akaun; atau b) Akaun perlu diaktifkan menurut Klausa 2.5 dan akaun tersebut belum lagi diaktifkan.
3.	Arahan
	Mandat Pengendalian
3.1	Mandat pengendalian untuk mengendalikan atau menggunakan Akaun:- a) jika dipegang oleh seorang individu, anda mesti memberikan kami maklumat anda seperti yang diminta oleh kami; b) jika dipegang oleh lebih daripada seorang individu, anda mesti memberikan kami mandat pengendalian untuk mengendalikan Akaun dan maklumat berhubung dengan Pemegang Akaun seperti yang diminta oleh kami.
3.2	Tertakluk kepada terma dalam dokumen ini, kami akan bertindak mengikut arahan bertulis anda yang ditandatangani mengikut mandat pengendalian Akaun.
3.3	Perubahan dalam Mandat Pengendalian: a) anda mesti memaklumkan kami dengan serta-merta secara bertulis mengenai sebarang perubahan atau pindaan dalam mandat pengendalian atau apabila anda ingin menukar penandatanganan anda; dan b) kami berhak mendapat tempoh masa yang berpatutan (tidak kurang dari tujuh (7) Hari Perniagaan dari tarikh penerimaan notis) untuk memproses perubahan atau pindaan sedemikian. Kami mungkin membuat keputusan untuk melunaskan sebarang instrumen, atau bertindak atas sebarang arahan yang ditandatangani oleh anda, sebelum kami memproses perubahan atau pindaan sedemikian.
3.4	Arahan:- a) Semua arahan yang diberi oleh anda adalah muktamad dan akan mengikat anda. b) Kami berhak untuk menolak penerimaan atau pelaksanaan sebarang arahan, sama ada untuk pengeluaran atau apa-apa transaksi lain atau apa-apa perkara yang berhubung dengan Akaun, jika:- I. kami tidak dapat mengesahkan identiti anda mengikut kepuasan kami; II. kami mempunyai sebarang keraguan mengenai kesahihan, kejelasan atau kesempurnaan arahan; III. bentuk atau kandungan arahan sedemikian tidak sejajar dengan syarat atau polisi atau amalan yang kami tentukan dari semasa ke semasa; IV. arahan tidak sejajar dengan mandat yang sedang dikuatkuasakan pada masa tersebut berhubung dengan pengendalian Akaun; V. pada pendapat kami, kami percaya atau mengesyaki bahawa arahan tersebut tidak dibenarkan, melibatkan penipuan atau dipalsukan; VI. tandatangan pada arahan adalah berbeza daripada tandatangan contoh dalam rekod kami; VII. ia menyebabkan Akaun dikeluarkan melebihi had dan kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda akibat penolakan sedemikian; atau VIII. suatu Peristiwa Keingkar telah berlaku atau sedang berlaku.

dan kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang dialami, dikekalkan atau ditanggung oleh anda atau mana-mana pihak ketiga akibat keengganan kami untuk menerima atau bertindak atas arahan tersebut.

- 3.5 Kami mungkin bertindak atas sebarang arahan yang kami percaya telah diberi oleh anda dengan niat baik, tanpa pertanyaan mengenai:-
- identiti atau kebenaran individu yang memberi atau dikatakan telah memberi arahan sedemikian; atau
 - kesahihan arahan sedemikian, walaupun jika:-
 - arahan sedemikian mungkin bercanggah dengan arahan lain yang diberikan oleh anda kepada kami; atau
 - terdapat sebarang kesilapan, salah faham, penipuan, pemalsuan atau kurang kejelasan dalam terma bagi arahan sedemikian.
- 3.6 Sebarang cek, instrumen atau arahan yang yang diterima selepas kami mendapat notis kematian anda tidak akan dijelaskan atau diambil tindakan, tanpa mengira tarikh cek, instrumen atau arahan tersebut.
- 3.7 Pada kematian, ketidakupayaan mental, penggulungan atau kebangkrutan mana-mana Pemegang Akaun, kami mungkin membeku atau menggantung Akaun tanpa bertanggungjawab kepada anda sehingga kami menerima bukti pada kepuasan kami mengenai individu(-individu) yang mempunyai kuasa undang-undang untuk mengendalikannya Akaun.
- 3.8 (1) Anda memberikuasa kepada kami untuk bertindak atas arahan anda yang diberikan melalui alat-alat komunikasi tersebut atau kaedah-kaedah lain mengemukakan arahan secara telekomunikasi yang kami secara niat baik percaya telah diberikan oleh anda-
- alat elektronik atau komputer, seperti telefon, e-mel, dan lain-lain;
 - alat peranti mudahalaih, seperti telefon bimbit (termasuk Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) yang dihantar dari nombor telefon bimbit yang terakhir diketahui oleh kami), dan/atau
 - perkhidmatan pos, seperti surat dan kurier.
- (2) Kecuali dinyatakan nyata sebaliknya dalam Terma ini, sekiranya anda meminta dan sekiranya kami bersetuju, kami berhak bergantung dan bertindak atas sebarang arahan bertulis yang telah disampaikan dan/atau melalui alat-alat komunikasi yang dinyatakan di Klausa 3.8(1) di atas dan kami tidak boleh disalahkan dengan bertindak secara niat baik atas sebarang arahan sebegitu. Setakat yang dibenarkan undang-undang, kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang disebabkan oleh kesilapan atau arahan tidak sah di luar kawalan munasabah kami.
- (3) Setakat sepenuhnya yang dibenarkan undang-undang, anda mengakujarji untuk membuat kami tidak berbahaya dan kekal melindungi kami dari sebarang tindakan, prosiding, tuntutan, liabiliti, kerugian, ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang timbul akibat kami bersetuju bertindak ke atas arahan yang dirujuk dalam Klausa 3.8 melainkan iannya disebabkan oleh salah laku sengaja atau kecuai kasar.
- 3.9 Kami boleh mengambil keputusan, untuk tidak bertindak atau menerima arahan yang diberikan secara bertulis tanpa memberikan apa-apa sebab dan anda bersetuju bahawa kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang ditanggung oleh anda yang disebabkan oleh keengganan atau kegagalan kami untuk bertindak atas arahan sedemikian.
- 3.10 Kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk sebarang kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang mungkin disebabkan oleh:-
- apa-apa salah faham, kesilapan, perubahan atau arahan yang tidak dibenarkan, penipuan, pemalsuan, kegagalan operasi atau kegagalan dalam penghantaran arahan anda;
 - apa-apa salah faham, kesilapan atau arahan yang tidak dibenarkan; atau
 - apa-apa kelewatan di pihak kami untuk bertindak atas sebarang arahan yang bukan kerana kesalahan kita.
- 3.11 Setakat yang dibenarkan undang-undang, dan melainkan jika ia disebabkan oleh salah laku yang tidak sengaja atau kecuai kasar, anda bersetuju untuk melindungi kami dan untuk kekal melindungi kami sepenuhnya pada setiap masa terhadap sebarang tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos guaman pada dasar indemniti penuh) yang timbul dalam apa-apa cara sekalipun daripada tindakan kami atas arahan anda sebelum ini, atau keengganan kami untuk bertindak atas arahan tersebut atau sebahagian daripadanya.
- 3.12 Anda mengakui bahawa kami boleh melaksanakan apa-apa prosedur dan ciri-ciri keselamatan yang kami anggap sesuai dan/atau diperlukan dari semasa ke semasa untuk mengesahkan identiti anda dan bahawa transaksi tersebut telah dibenarkan oleh anda. Tanpa menjejaskan perkara di atas, kami mungkin memerlukan pengesahan untuk sebarang arahan daripada anda dalam apa-apa bentuk atau cara yang kami anggap sesuai.
- Akaun Bersama**
- 3.13 Untuk akaun bersama, kami akan bertindak mengikut mandat bertulis anda kecuali jika kami:-
- menerima arahan yang tidak jelas berhubung dengan Akaun;
 - menerima arahan berlainan daripada seorang Pemegang Akaun sebelum kami bertindak atas arahan daripada Pemegang Akaun yang lain;
 - menyedari akan sebarang pertikaian;
 - menerima arahan berhubung dengan penutupan akaun bersama; atau
 - dalam apa-apa keadaan lain yang kami anggap sesuai;
- di mana kami berhak menolak untuk bertindak dan hanya akan bertindak atas arahan semua Pemegang Akaun. Dalam semua dan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam Klausa ini, kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pemegang Akaun atas tindakan sedemikian atau keengganan untuk bertindak.
- 3.14 Jika Akaun dibuka atau dikekalkan dalam nama lebih daripada seorang:-
- setiap Pemegang Akaun bersetuju untuk diikat secara bersama dan berasingan oleh Terma ini;
 - kami akan bertindak atas arahan anda menurut mandat bertulis yang anda berikan kepada kami dan setiap Pemegang Akaun akan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan untuk semua transaksi yang timbul daripada arahan sedemikian;
 - jika mandat akaun adalah di mana mana-mana satu Pemegang Akaun boleh mengurus Akaun (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran, arahan (sama ada secara lisan, bertulis atau sebaliknya) dan penutupan Akaun), anda bersetuju bahawa kami berhak untuk bertindak atas arahan daripada hanya satu Pemegang Akaun dan anda bertanggungjawab secara bersama dan berasingan untuk semua transaksi yang timbul daripada arahan sedemikian tanpa mengira sama ada anda:
 - menyedari akan;
 - bersetuju dengan; atau
 - akan meraih manfaat daripada atau mengalami apa-apa kerugian yang timbul daripada;

- arahan sedemikian daripada Pemegang Akaun yang lain.
- d) tertakluk kepada terma dalam dokumen ini, kami akan bertindak atas arahan (sama ada secara lisan atau bertulis) daripada anda menurut mandat bertulis yang anda berikan kepada kami termasuk tetapi tidak terhad kepada penjelasan cek dan arahan untuk menghentikan pembayaran;
 - e) cek, bil pertukaran, draf, nota janji hutang, deposit dan semua instrumen pembayaran lain yang perlu dibayar kepada mana-mana Pemegang Akaun boleh didepositkan ke dalam Akaun; dan
 - f) kami berhak untuk mendebitkan Akaun pada bila-bila masa berhubung dengan apa-apa jumlah wang yang bagaimana sekalipun perlu dibayar atau terhutang kepada kami oleh mana-mana Pemegang Akaun di mana nama Akaun telah dibuka atau dikekalkan. Berkenaan dengan Akaun Deposit Tetap, ia tidak mengira sama ada deposit tetap tersebut telah matang atau tidak.

Tiada seorang pun daripada Pemegang Akaun akan dilepaskan, dan liabiliti beliau juga tidak akan terjejas oleh apa-apa pelepasan, pembebasan, tempoh masa, kelonggaran, pemberian, penepian atau persetujuan pada bila-bila masa yang diberikan atau dilaksanakan berhubung dengan mana-mana satu atau lebih daripada satu Pemegang Akaun yang lain.

3.15 Kami akan menghantar hanya satu notis atau komunikasi kepada alamat surat-menyurat yang dinyatakan oleh Pemegang Akaun secara bertulis menurut mandat yang sedang berkuatkuasa berkenaan dengan Akaun, dan notis atau komunikasi ini akan dianggap telah dihantar kepada semua Pemegang Akaun.

3.16 Jika Akaun dibuka bersama dengan seorang individu di bawah umur lapan belas (18) tahun, anda bersetuju bahawa apabila individu bawah umur tersebut mencapai umur lapan belas (18) tahun, anda bersama dengan individu bawah umur tersebut akan memberi mandat baru secara bersama untuk pengendalian Akaun. Sehingga mandat baru diterima oleh kami, mandat sedia ada akan terus beroperasi.

Kematian Pemegang Akaun Bersama

3.17 Doktrin kemandirian akan digunakan bagi mana-mana Akaun yang dibuka atas nama bersama yang lebih daripada seorang.

3.18 Pada kematian mana-mana Pemegang Akaun bersama:-

- a) kami boleh, menggantung atau membeku Akaun tanpa bertanggungjawab kepada setiap Pemegang Akaun; dan
- b) kami dibenarkan untuk memegang apa-apa wang dalam Akaun mengikut arahan Pemegang Akaun yang masih hidup tanpa menjejaskan sebarang hak yang kami mungkin ada berkenaan wang sedemikian yang timbul daripada, antara lain, sebarang lien, caj, cagaran, tolak selesai atau apa-apa tuntutan atau tuntutan balas lain yang sebenar atau luar jangka. Sebarang tindakan yang diambil oleh kami mengikut sebarang arahan yang diberikan oleh Pemegang Akaun yang masih hidup menurut Klausula 3.19 di bawah akan mengikat setiap Pemegang Akaun serta wakil peribadi mereka masing-masing.

3.19 Pemegang Akaun yang masih hidup boleh mengeluarkan atau mengarahkan kami untuk memindahkan ke mana-mana akaun, baki kredit dalam Akaun dan selepas kami bertindak mengikut arahan Pemegang Akaun yang masih hidup, ia akan merupakan pelepasan yang sah dan lengkap bagi kewajipan kami berhubung dengan Akaun.

3.20 Di mana Akaun telah dibuka secara bersama dengan seorang individu di bawah umur lapan belas (18) tahun oleh ibu bapa individu bawah umur tersebut, ibu bapa atau penjaga sah akan menjadi Pemegang Akaun utama. Sekiranya Pemegang Akaun utama meninggal dunia sebelum individu bawah umur tersebut mencapai umur lapan belas (18) tahun, Akaun tersebut akan dibekukan dan perkara yang berkaitan dengan Akaun akan dirujuk kepada wakil peribadi harta pusaka Pemegang Akaun utama.

3.21 Jika mana-mana Pemegang Akaun bersama menjadi bankrap atau kurang kemampuan, kami boleh menggantung atau membeku Akaun tanpa bertanggungjawab kepada anda sehingga kami menerima bukti pada kepuasan kami mengenai individu(-individu) yang mempunyai kuasa undang-undang untuk mengendali Akaun tersebut.

4. Deposit

4.1 Deposit permulaan minimum yang diperlukan untuk membuka Akaun dan baki minimum adalah jumlah sedemikian yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa.

4.2 Sebarang deposit ke dalam Akaun perlu dilakukan di kaunter mana-mana cawangan, ATM atau mesin deposit tunai/cek kami, atau melalui pemindahan antara bank, pemindahan bertelegraf, perkhidmatan Perbankan Telefon UOB yang disediakan oleh kami atau melalui PIB.

4.3 Apabila anda melakukan deposit:-

- (a) deposit tersebut mesti dimasukkan mengikut cara atau kaedah sedemikian seperti yang kami tentukan dari semasa ke semasa, sama ada di kaunter cawangan atau melalui penggunaan mana-mana perkhidmatan yang mungkin disediakan oleh kami dari semasa ke semasa;
- (b) anda bersetuju bahawa semua tunai yang didepositkan tidak boleh ditarik balik sehingga ia telah diterima oleh kami dan didepositkan ke dalam Akaun;
- (c) kami boleh (tetapi tidak diwajibkan untuk) memberikan kredit serta-merta untuk cek, draf dan semua instrumen pembayaran lain yang didepositkan ke dalam Akaun. Walau bagaimanapun, deposit tersebut tidak boleh dikeluarkan sehingga hasilnya telah diterima oleh kami.

4.4 Slip deposit yang disertakan dengan deposit tunai tidak dianggap sebagai resit sah kecuali disahkan mesin oleh kami atau ditandatangani oleh pegawai kami dengan cap kami. Jika slip deposit mengandungi kesilapan atau peninggalan, kami boleh meminda slip deposit tersebut dan versi yang dipinda adalah muktamad untuk semua tujuan. Anda harus menyimpan rekod transaksi supaya anda boleh mengesahkan kemasukan dalam Penyata Akaun.

4.5 Semua cek yang didepositkan akan diterima oleh kami semata-matanya sebagai agen kutipan, dan kami tidak bertanggungjawab untuk:-

- (a) apa-apa pembayaran yang tidak dilakukan atau kerugian kepada anda akibat daripada kami tidak mampu untuk mengutip cek itu, sama ada disebabkan oleh apa-apa sekatan pembayaran atau sebarang undang-undang atau peraturan mana-mana negara di mana cek tersebut dijelaskan/dikutip; atau
- (b) apa-apa pemogokan, atau apa-apa keingkar, kecuai atau ketidakmampuan bayar oleh mana-mana bank wakil atau bank pembayar atau mana-mana agen atau sub-agen; atau
- (c) apa-apa sebab di luar kawalan kami.

4.6 Apabila deposit dilakukan melalui cek atau instrumen pembayaran bukan tunai yang lain, tarikh nilai akan bermula hanya selepas penerimaan hasil sebenar daripada bank pengeluar. Sebarang Makluman Pengesahan yang dikeluarkan oleh kami menurut penempatan deposit adalah tertakluk kepada cek atau instrumen pembayaran yang dijelaskan dan di mana hasilnya diterima oleh kami, dan sehingga hasilnya diterima oleh kami, Makluman Pengesahan tidak akan mengikat kami. Jika cek atau instrumen pembayaran bukan tunai tersebut tidak laku, kami berhak untuk membatalkan penempatan tersebut dan Makluman Pengesahan akan dibatalkan dengan serta-merta.

- 4.7 Kami berhak untuk mendebit atau menyemak semula jumlah yang dikreditkan daripada Akaun jika:-
- cek, draf dan instrumen pembayaran lain sedemikian untuk melaksanakan deposit tersebut tidak laku;
 - sekiranya bayaran yang kami terima daripada cek, draf dan instrumen pembayaran lain sedemikian adalah kurang daripada jumlah yang dikreditkan ke dalam Akaun; atau
 - walaupun selepas kami menerima bayaran, jika bank wakil yang membayar atau mana-mana agen dan sub-agen menuntut pemulangan atau pembayaran balik jumlah sedemikian pada bila-bila masa atas apa-apa alasan (sama ada dipertikaikan atau tidak), termasuk tanpa had atas alasan bahawa cek, draf, kiriman wang, pemindahan bertelegraf atau arahan pembayaran atau instrumen lain telah terbatal, tidak sah atau dikeluarkan secara penipuan, atau dalam apa-apa keadaan lain sekalipun yang menyebabkan jumlah cek, draf, kiriman wang, pemindahan bertelegraf atau arahan pembayaran atau instrumen lain atau mana-mana bahagiannya menjadi tertakluk kepada tuntutan sebenar atau berpotensi untuk dibayar balik atau dipulangkan oleh mana-mana pihak.
- 4.8 Apa-apa cek atau instrumen pembayaran bukan tunai yang tidak laku boleh dikembalikan kepada anda melalui pos ke alamat terakhir yang diketahui dalam rekod kami pada risiko dan perbelanjaan anda sendiri.
- 4.9 Deposit tidak boleh dipindahkan, diserahkan hak, dicagarkan, dikenakan caj atau sebaliknya dibebankan atau diberikan sebagai jaminan kepada mana-mana pihak kecuali yang memihak kepada kami atau dengan persetujuan bertulis daripada kami terlebih dahulu.
- 4.10 Kami boleh menolak untuk menerima deposit jika:
- mata wang tidak boleh diterima oleh kami;
 - nama penerima tidak sama dengan nama akaun;
 - cek atau instrumen pembayaran lain perlu dibayar kepada pihak ketiga atau nampaknya seperti dimiliki oleh orang lain.
 - ia berada di luar waktu batasan untuk kami menerima deposit. Waktu batasan akan ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa;
 - ia dalam bentuk cek kembara yang dikemukakan untuk deposit dan/atau kutipan kecuali jika disertakan dengan dokumen berkaitan bagi menyokong transaksi komersial yang membawa kepada pengeluaran cek sedemikian; atau
 - ia dilakukan melalui cara yang tidak boleh diterima oleh kami.

5. Pengeluaran

- 5.1 Pengeluaran daripada Akaun mesti dilakukan dalam kaedah atau cara dan mengikut terma dan syarat sedemikian seperti yang kami mungkin tetapkan dari semasa ke semasa. Apa-apa kaedah atau cara pengeluaran tertentu boleh ditukar atau ditamatkan oleh kami pada bila-bila masa, setelah memberikan notis kepada anda.
- 5.2 Jumlah pengeluaran minimum bagi setiap transaksi akan ditentukan oleh kami.
- 5.3 Anda boleh melakukan pengeluaran daripada Akaun dengan cara berikut:-
- menggunakan Kad Debit di ATM dan/atau EFTPOS (untuk Akaun dalam RM);
 - di kaunter mana-mana cawangan kami dengan atau tanpa menggunakan Kad Debit, dengan syarat pengeluaran tersebut dilakukan oleh anda sendiri dan, jika perlu, dengan borang pengeluaran yang dilengkapkan dan ditandatangani. Kami berhak mendapatkan bukti identiti anda, dan boleh menolak pengeluaran tersebut jika tandatangan dan identiti anda tidak disahkan pada kepuasan kami, atau untuk apa-apa sebab lain yang kami anggap sesuai;
 - Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB yang disediakan oleh kami;
 - Melalui Perbankan Internet Peribadi UOB ; atau
 - apa-apa kaedah lain yang mungkin ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa.
- 5.4 Anda boleh memohon untuk mewujudkan debit langsung atau pembayaran berkala daripada Akaun. Kami boleh, dengan memaklumkan anda secara bertulis, membatalkan atau menghentikan pengaturan debit langsung atau pembayaran berkala jika pengaturan tersebut tidak mematuhi syarat kebenaran pembayaran yang ditandatangani oleh anda atau jika diperlukan oleh undang-undang yang Digunakan.
- 5.5 Pengeluaran yang melebihi had tidak dibenarkan. Jika anda melakukan pengeluaran yang melebihi had daripada Akaun, jumlah terlebih keluar tersebut mesti dibayar balik atas permintaan bersama dengan faedah sedemikian yang kami mungkin kenakan.
- 5.6 Apabila anda melakukan pengeluaran, anda bertanggungjawab untuk memastikan:-
- semua arahan pengeluaran adalah tepat dan lengkap;
 - terdapat dana yang mencukupi dalam Akaun;
 - anda bertindak dengan cara yang akan menghalang dan tidak memudahkan sebarang perubahan atau pemalsuan atau penggunaan cek palsu atau cek lusuh;
- dan anda akan bertanggungjawab untuk semua arahan sedemikian yang akan berkuatkuasa dan sah dan akan mengikat anda. Anda tidak akan memegang kami bertanggungjawab kepada anda dan/atau mana-mana pihak lain, walaupun jika tandatangan, atau kebenaran atau arahan mungkin telah dipalsukan atau diperoleh secara penipuan atau tanpa kebenaran, atau Kad Debit mungkin telah digunakan tanpa kebenaran melainkan jika ia disebabkan oleh salah laku kita yang sengaja atau kecuai kasar.
- 5.7 **Pengeluaran Mata Wang Asing**
Pengeluaran adalah tertakluk kepada:-
- jumlah minimum bagi setiap transaksi seperti yang ditentukan oleh kami;
 - bayaran fi yang berkenaan oleh anda; dan
 - apa-apa syarat lain yang kami anggap perlu dikenakan,
- dan dibayar secara pemindahan, pembayaran kabel, pemindahan, bertelegraf atau elektronik, atau dengan mengeluarkan draf, atau dalam apa-apa kaedah atau cara lain yang kami mungkin tentukan.
Semua pengeluaran seperti yang dinyatakan di dalam klausa 5.7 yang dilakukan di kaunter mestilah dalam RM tanpa mengira sama ada Akaun tersebut adalah dalam RM atau tidak.
- 5.8 **Menghentikan Pengeluaran**
- arahan pengeluaran tidak boleh diubah atau dibatalkan jika kami telah bertindak ke atasnya. Kami akan cuba menghentikan transaksi apabila diarahkan tetapi kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang anda mungkin alami jika kami tidak dapat berbuat demikian;
 - Cek atau perintah juruwang: jika anda tidak mahukan kami menjelaskan sebarang cek atau perintah juruwang, anda mesti memberikan kami arahan bertulis. Kami akan cuba menghentikan cek atau perintah juruwang tersebut tetapi kami tidak akan bertanggungjawab jika kami tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk berbuat demikian atau jika cek atau perintah juruwang tersebut telah dijelaskan.

- 5.9 Masa pelepasan untuk jenis Akaun yang berbeza, atau kaedah atau cara di mana pengeluaran boleh dilakukan mungkin adalah berbeza. Jika pengeluaran dilakukan selepas waktu batasan yang kami tetapkan, ia tidak akan diproses sehingga Hari Perniagaan yang berikutnya.
- 5.10 **Pemindahan Bertelegraf**
Anda boleh memohon pemindahan bertelegraf dilakukan hanya jika:-
(a) kami bersetuju dengan permohonan anda;
(b) jumlah minimum atau jumlah maksimum untuk pemindahan bertelegraf dipenuhi; dan
(c) anda membayar semua fi yang diperlukan untuk pemindahan bertelegraf termasuk fi penukaran mata wang ke mata wang negara destinasi.
- 5.11 Jika kami tidak dapat melaksanakan pemindahan bertelegraf tersebut, kami tidak akan membayar balik fi yang dibayar kecuali kegagalan tersebut adalah semata-matanya dan secara langsung disebabkan oleh sesuatu yang kami lakukan atau gagal lakukan.

6. Fi Dan Caj

- 6.1 Anda mungkin perlu membayar fi dan caj untuk penggunaan Akaun dan fi dan caj sedemikian mungkin dipinda dari semasa ke semasa termasuk tetapi tidak terhad kepada fi yang dinyatakan dalam Klausa 6.2. Kadar semasa bagi fi dan caj disediakan kepada anda di cawangan kami, laman web rasmi di www.uob.com.my atau atas permintaan anda.
- 6.2 Fi akan dibayar jika Akaun ditutup dalam tempoh tiga (3) bulan dari pembukaannya. Caj akan ditolak daripada Akaun sebelum wang dalam Akaun dibayar kepada anda semasa penutupan.
- 6.3 Anda bertanggungjawab untuk membayar semua kos, caj, pembayaran, fi dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada fi guaman kami) yang berhubung dengan atau berkenaan dengan Akaun termasuk tetapi tidak terhad kepada penguatkuasaan atau pengekalan mana-mana hak kami di bawah Akaun.
- 6.4 Anda perlu memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dalam Akaun pada setiap masa untuk semua pembayaran termasuk sebarang fi dan caj yang perlu dibayar oleh anda berhubung dengan Akaun dan anda membenarkan kami mendebit pembayaran tersebut daripada Akaun apabila ia perlu dibayar.
- 6.5 Kami boleh, dari semasa ke semasa, mengenakan, mengubah atau menyemak sebarang fi dan caj yang dikenakan ke atas Akaun dengan memberikan notis dua puluh satu (21) Hari terlebih dahulu.

7. Akaun Tidak Aktif / Dorman / Wang Tidak Dituntut

- 7.1 Akaun yang tidak mempunyai transaksi kredit dan/atau debit (selain transaksi kredit dan/atau debit yang dilakukan oleh kami bagi tujuan mengkreditkan faedah ke dalam Akaun atau mendebitkan fi dan/atau caj yang perlu dibayar oleh anda kepada kami) untuk tempoh dua belas (12) bulan akan dianggap sebagai akaun tidak aktif.
- 7.2 Fi perkhidmatan tahunan akan dikenakan dan ditolak daripada Akaun selagi ia kekal tidak aktif sehingga baki kredit yang tinggal diklasifikasikan sebagai wang tidak dituntut. Jika baki dalam Akaun adalah sama atau kurang daripada fi perkhidmatan tahunan, kami mungkin, selepas memberikan notis bertulis kepada anda, mendebit keseluruhan baki dalam Akaun sebagai caj perkhidmatan dan menutup Akaun mengikut Undang-undang yang Digunakan.
- 7.3 Bagi Akaun yang telah diklasifikasikan sebagai tidak aktif menurut Klausa 7.1, tiada transaksi kredit dan/atau debit (selain transaksi kredit dan/atau debit yang dilakukan oleh kami bagi tujuan mengkreditkan faedah ke dalam Akaun atau mendebitkan fi dan/atau caj yang perlu dibayar oleh anda kepada kami) ke atas Akaun akan dibenarkan kecuali dan sehingga Akaun telah diaktifkan semula menurut Klausa 7.4.
- 7.4 Untuk mengaktifkan Akaun yang tidak aktif, anda mesti melakukan perkara berikut di mana-mana cawangan kami:
(a) pengeluaran tunai, tertakluk kepada pengesahan identiti anda; atau
(b) deposit tunai, tertakluk kepada pengesahan identiti anda secara elektronik melalui pembaca kad pengenalan.

8. Penutupan / Penggantungan / Penamatan Akaun

- 8.1 Anda boleh meminta untuk menutup Akaun dengan memberikan arahan bertulis kepada kami dalam bentuk dan cara yang boleh diterima oleh kami dan menyelesaikan semua baki tertunggak (termasuk jumlah prinsipal, faedah, fi, caj dan apa-apa kos lain) jika ada, yang perlu dibayar kepada kami.
- 8.2 Walau apa pun yang diperuntukkan dalam Terma ini, kami boleh menutup, menarik balik, menggantung, membeku atau menamatkan Akaun:-
(a) sebagaimana yang kami anggap sesuai dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada anda;
(b) jika Akaun tidak aktif untuk tempoh berterusan selama dua belas (12) bulan dan baki dalam Akaun dalam tempoh tersebut adalah kurang daripada jumlah minimum yang diperlukan atau ditetapkan oleh kami, dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda. Kami kemudiannya akan mendebit keseluruhan baki dalam Akaun sebagai caj perkhidmatan;
(c) jika pada pendapat kami, anda tidak mematuhi sebarang Undang-undang yang Digunakan;
(d) jika pada pendapat kami, Akaun tidak dikendalikan dengan cara yang wajar dan sepatutnya;
(e) jika anda, atau mana-mana Pemegang Akaun bersama, mengancam untuk melanggar atau anda telah melanggar mana-mana Terma ini atau mana-mana terma dan/atau syarat lain yang dikenakan ke atas anda atau mana-mana perjanjian lain sama ada yang berhubung dengan peminjaman dana atau pemberian pendahuluan atau kredit atau sebaliknya;
(f) jika anda memberi maklumat yang tidak benar, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan kepada kami;
(g) jika sebarang perwakilan, jaminan atau perjanjian yang dilakukan oleh anda kepada kami telah atau akan menjadi tidak betul atau mengelirukan dari segi material;
(h) jika anda gagal membayar apa-apa wang yang anda perlu bayar kepada kami atau jika anda gagal melaksanakan sebarang kewajipan atau liabiliti yang perlu dijelaskan kepada kami pada tarikh matangnya;
(i) jika anda meninggal dunia atau menjadi tidak waras;
(j) jika anda menjadi bankrap atau tak mampu bayar atau membenarkan apa-apa penghakiman diteruskan selama tempoh dua puluh satu (21) Hari;
(k) jika anda melakukan apa-apa tindakan kebangkrapan atau tidak dapat membayar hutang anda, mengikut mana yang berkenaan, atau menggantung hutang anda, mengikut mana yang berkenaan, atau memasuki apa-apa gabungan atau pengatutan dengan atau bagi manfaat pemegang anda, mengikut mana yang berkenaan;
(l) jika sesuatu petisyen dikemukakan terhadap anda untuk kebangkrapan;
(m) jika pelaksanaan atau apa-apa bentuk tindakan pemulihan atau penguatkuasaan dikenakan atau diambil terhadap mana-mana aset anda;

- (n) jika anda memindahkan atau melupuskan atau bertujuan untuk memindahkan atau melupuskan sebahagian besar aset anda, mengikut mana yang berkenaan;
 - (o) jika pada pendapat kami, terdapat sebarang perubahan atau perubahan yang mungkin berlaku dalam:-
 - I. keadaan yang akan menjejaskan dan memburukkan keadaan kewangan anda atau keupayaan anda untuk melaksanakan kewajipan anda secara ketara di bawah Terma ini; atau
 - II. status anda sebagai seorang warganegara atau pemastautin di Malaysia;
 - (p) jika sesuatu notis atau cadangan untuk pengambilan paksa mana-mana hartanah anda dikeluarkan atau dilakukan di bawah sebarang undang-undang;
 - (q) jika mana-mana cek anda tidak laku;
 - (r) jika anda disenarai hitam menurut garis panduan DCHEQS atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami;
 - (s) jika mana-mana akaun anda dengan kami ditetapkan semula atau ditutup oleh kami untuk apa-apa sebab sekalipun;
 - (t) jika anda gagal melaksanakan sebarang kewajipan atau liabiliti kepada kami atau kepada mana-mana individu lain;
 - (u) jika anda melakukan keingkaran untuk apa-apa pinjaman, kemudahan atau pengaturan yang sama dengan mana-mana pihak (termasuk kami) yang memberi hak kepada pemiutang berkenaan (termasuk kami) untuk menuntut pembayaran balik bagi pinjaman, kemudahan atau pengaturan tersebut sebelum tarikh matangnya, untuk menarik balik pinjaman, kemudahan atau pengaturan tersebut, atau untuk menguatkuasakan jaminan bagi pinjaman, kemudahan atau pengaturan tersebut;
 - (v) jika terdapat keingkaran dalam pembayaran sebarang wang di bawah akaun mana-mana individu lain yang diberikan jaminan oleh anda;
 - (w) jika terdapat sebarang tindakan undang-undang (sama ada sivil atau jenayah), timbang tara atau prosiding pentadbiran yang belum selesai, sedang berterusan atau akan dilaksanakan terhadap anda;
 - (x) jika kami mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Akaun atau mana-mana bahagian daripadanya digunakan untuk sebarang aktiviti haram;
 - (y) jika terdapat apa-apa penyiasatan oleh pihak polis atau organisasi polis, badan atau agensi kerajaan, suruhanjaya atau agensi anti rasuah atau pengawal selia (di Malaysia atau sebaliknya) yang belum selesai, sedang berterusan atau akan dilaksanakan terhadap anda;
 - (z) jika anda didakwa atau disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah atau mempunyai sebarang rekod jenayah;
 - (aa) jika terdapat apa-apa laporan yang diambil terhadap anda di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa);
 - (bb) jika lokasi anda tidak diketahui kami;
 - (cc) jika anda menjadi seorang Rakyat Amerika Syarikat ("AS"); atau
 - (dd) jika kami memutuskan bahawa penerusan Akaun mungkin boleh menjejaskan kedudukan kami sendiri dan; keputusan kami adalah muktamad.
- 8.3 Apabila mana-mana kejadian dalam Klausa 8.1 dan 8.2 di atas berlaku:-
- a) kami tidak akan mempunyai apa-apa kewajipan dan/atau komitmen selanjutnya kepada anda berhubung dengan Akaun;
 - b) kami boleh (tetapi tidak diwajibkan untuk) membeku, menggantung (selama-lamanya atau sebaliknya) atau menutup Akaun, atau hubungan kami dengan anda dan semua wang serta faedah yang terutang kepada kami pada masa tersebut di bawah Akaun akan perlu dibayar dengan serta-merta atas tuntutan kami;
 - c) kami boleh menggunakan baki kredit dalam Akaun terhadap apa-apa kerugian yang timbul daripadanya dan/atau jumlah yang anda berhutang kepada kami;
 - d) kami akan berhak untuk melaksanakan sebarang hak atau kuasa:-
 - (i) yang kami mungkin miliki di bawah mana-mana Terma ini; dan
 - (ii) yang mungkin tersedia kepada kami dari segi undang-undang;
- 8.4 Anda tidak boleh menggunakan Akaun untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Jika kami mendapati, mensyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Akaun anda telah digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, kami boleh mengambil segala tindakan yang dianggap sesuai bagi membolehkan kami memenuhi sebarang kewajipan atau syarat di Malaysia atau di tempat lain di dunia berhubung dengan pencegahan apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, aktiviti pengganas, rasuah, sogokan atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan apa-apa sekatan ekonomi atau perdagangan. Tindakan yang kami boleh ambil termasuk menutup Akaun dengan serta-merta, membuat laporan dan mengambil tindakan sedemikian yang kami anggap sesuai.
- 8.5 Sebarang penutupan atau pembatalan atau penggantungan Akaun oleh kami tidak melayakkan anda untuk membuat tuntutan bagi apa-apa pampasan terhadap kami untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh anda sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada pembatalan atau penggantungan tersebut.
- 8.6 Pada penutupan/pembatalan Akaun, anda mesti:
- a) membayar semua fi, kos, caj, perbelanjaan, cukai, duti, levi dan jumlah terakru sehingga tarikh penutupan/pembatalan Akaun;
 - b) mengembalikan semua cek yang tidak digunakan dan Kad Debit dengan serta-merta; dan
 - c) memaklumkan semua pedagang yang anda telah memberi kebenaran untuk melakukan debit langsung pada Akaun anda mengenai penutupan/pembatalannya. Kami tidak bertanggungjawab untuk membayar pedagang anda di bawah kebenaran debit langsung anda.
- 8.7 Jika terdapat sebarang kewajipan bayaran oleh kami kepada anda selepas penutupan atau pembatalan Akaun, kami akan mengeluarkan dan menghantar draf bank atau perintah juruwang atas nama anda melalui pos biasa ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam rekod kami, melalui pemindahan dana elektronik, kiriman wang atau dalam cara lain sedemikian yang kami anggap sesuai. Selepas kami bertindak mengikut peruntukan di atas, ia akan dianggap sebagai pelepasan yang sah dan lengkap bagi tanggungjawab kami berhubung dengan Akaun.

BHG. C. TERMA AM UNTUK AKAUN

9 Terma Am Untuk Akaun

9.1 Kami tidak perlu mengiktiraf mana-mana individu selain anda sebagai mempunyai apa-apa kepentingan dalam Akaun.

Jumlah

9.2 Jenis Akaun yang berbeza mungkin mempunyai syarat yang berbeza termasuk jumlah deposit permulaan minimum, baki minimum atau maksimum, atau tempoh kematangan minimum yang berbeza. Syarat ini boleh diubah dari semasa ke semasa.

- Faedah**
- 9.3 Faedah boleh dibayar ke atas baki kredit Akaun tertentu (seperti Akaun simpanan) pada kadar yang kami tentukan.
- Kos**
- 9.4 Anda mungkin perlu membayar fi untuk penggunaan mana-mana Akaun atau Perkhidmatan dan fi tersebut mungkin adalah berbeza untuk Akaun dan Perkhidmatan yang berbeza dan boleh ditukar dari semasa ke semasa. Contoh fi sedemikian termasuk fi baki yang jatuh di bawah tahap minimum, fi penutupan akaun lebih awal dan fi pemprosesan.
- Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM")**
- 9.5 Deposit yang dikekalkan oleh anda dalam Akaun ini layak dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit, dan satu salinan risalah PIDM telah diberikan kepada anda. Kami adalah ahli PIDM.
- 9.6 Sekiranya terdapat perubahan dalam status insurans Deposit, kami akan memberi notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu.

BHG. D. OVERDRAF, AKAUN YANG DIKAITKAN

10 Overdraf

- 10.1 Anda tidak boleh melakukan pengeluaran yang melebihi had tanpa kelulusan kami terlebih dahulu. Anda tidak boleh mengeluarkan atau melaksanakan pembayaran atau pemindahan dengan menggunakan Akaun melainkan terdapat dana yang mencukupi dalam Akaun.
- 10.2 Kami boleh menolak untuk bertindak atas apa-apa arahan yang akan menyebabkan Akaun terlebih keluar melainkan jika kita mempunyai had overdraf yang dipersetujui. Jika kami membenarkan (walaupun kami tidak bertanggungjawab untuk berbuat demikian) Akaun untuk terlebih keluar:-
- (a) jumlah terlebih keluar tersebut akan dianggap sebagai pendahuluan kepada anda dan anda akan berhutang kepada kami;
 - (b) anda akan membayar faedah ke atas jumlah yang terlebih keluar tersebut pada kadar sedemikian yang ditetapkan oleh kami dari semasa ke semasa. Faedah atas baki debit akan terakru setiap hari pada kiraan atas baki bulanan, dan faedah sedemikian akan terakru selepas dan sebelum penghakiman; dan
 - (c) semua jumlah yang terlebih keluar, caj dan faedah yang kena dibayar perlu dibayar balik atas permintaan.
- 10.3 Faedah yang dikenakan ke atas jumlah terlebih keluar tersebut adalah pada kadar 3.5% setahun melebihi Kadar yang Ditetapkan atau apa-apa kadar lain seperti yang ditentukan oleh kami, kedua-duanya sebelum dan selepas penghakiman atau perintah, dan tidak kira sama ada hubungan bank dan pelanggan antara kami dan anda telah berhenti atau ditamatkan.
- 10.4 Apa-apa faedah belum dibayar ke atas sebarang jumlah yang terlebih keluar (termasuk semua faedah terakru dan tertunggak) perlu, pada akhir setiap bulan kalendar, dipermodalkan dan ditambah kepada jumlah prinsipal yang terutang pada waktu tersebut akan dikenakan faedah dengan serta-merta pada Kadar yang Ditetapkan.
- 10.5 Kami boleh mengubah Kadar yang Ditetapkan dan Kadar Asas, dari semasa ke semasa, dan perubahan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis kami yang mungkin diberikan menurut Terma ini.
- Terlebih Keluar Akibat Dana Tidak Mencukupi**
- 10.6 Caj akan dikenakan ke atas setiap cek yang dikembalikan atau ditolak akibat dana yang tidak mencukupi. Kami boleh, menutup Akaun jika cek terus dikembalikan akibat dana yang tidak mencukupi.
- Kemudahan Had Automatik untuk Akaun Privilege dan i-Account (Untuk akaun yang dibuka sebelum 1 Januari 2013)**
- 10.7 Pada pembukaan Akaun Deposit Berasaskan Masa dan dengan kebenaran anda untuk mengaitkan Akaun Semasa anda kepada Akaun Deposit Berasaskan Masa, kami akan menyediakan Kemudahan Had Automatik kepada anda.
- 10.8 Kemudahan Had Automatik hanya akan disediakan kepada anda jika anda seorang warganegara Malaysia atau pemastautin di Malaysia.
- 10.9 Kemudahan Had Automatik hanya akan disediakan kepada anda jika Akaun dikaitkan kepada Akaun Deposit Berasaskan Masa. Jika anda menarik balik persetujuan anda untuk mengaitkan akaun atau anda mengarahkan kami untuk tidak mengaitkan Akaun Semasa kepada Akaun Deposit Berasaskan Masa, Kemudahan Had Automatik tidak lagi akan disediakan untuk kegunaan anda.
- 10.10 Kemudahan Had Automatik yang kami sediakan kepada anda adalah bersamaan dengan jumlah yang didepositkan oleh anda ke dalam Akaun Deposit Berasaskan Masa.
- 10.11 Anda boleh menggunakan Kemudahan Had Automatik atau membayar balik Kemudahan Had Automatik melalui Akaun Semasa.
- 10.12 Kemudahan Had Automatik akan dijamin oleh jumlah yang dikekalkan dalam Akaun Deposit Berasaskan Masa. Anda tidak dibenarkan untuk mengeluarkan atau memindahkan jumlah yang bersamaan dengan Jumlah yang Didahulukan daripada Akaun Deposit Berasaskan Masa atau sebarang jumlah lain sedemikian seperti yang kami tentukan dari semasa ke semasa, dan anda bersetuju bahawa kami berhak untuk memperuntukkan atau untuk menahan jumlah ini dalam Akaun Deposit Berasaskan Masa.
- 10.13 Faedah akan dikenakan ke atas penggunaan Kemudahan Had Automatik pada Kadar yang Ditetapkan atau apa-apa kadar lain yang kami mungkin tetapkan dari semasa ke semasa.
- 10.14 Pengeluaran daripada Akaun Semasa yang melebihi jumlah yang dikekalkan oleh anda dalam Akaun Deposit Berasaskan Masa mungkin dibenarkan hanya dengan persetujuan kami terlebih dahulu. Jika lebih sedemikian dibenarkan oleh kami, dan untuk sebarang jumlah yang dikeluarkan/digunakan daripada Akaun Semasa, faedah yang dikenakan ke atas jumlah lebih tersebut adalah pada kadar 3.5% setahun melebihi Kadar yang Ditetapkan atau apa-apa kadar lain yang mungkin ditentukan oleh kami, sebelum dan selepas penghakiman atau perintah, dan tidak kira sama ada hubungan bank dan pelanggan antara kami dan anda telah berhenti atau ditamatkan.
- 10.15 Sebarang faedah yang belum dibayar ke atas sebarang jumlah yang telah dikeluarkan atau perlu dibayar, mengikut mana yang berkenaan, di bawah Kemudahan Had Automatik (termasuk semua faedah terakru dan tertunggak) perlu, pada akhir setiap bulan kalendar, dipermodalkan dan ditambah kepada jumlah prinsipal yang terutang pada waktu tersebut dan akan dikenakan faedah dengan serta-merta pada Kadar yang Ditetapkan.
- 10.16 Kami boleh mengubah Kadar yang Ditetapkan, Kadar Pinjaman Asas atau Kadar Asas, dari semasa ke semasa, dan perubahan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis kami yang mungkin diberikan mengikut Terma ini.
- 10.17 Jumlah yang Didahulukan berkenaan dengan Kemudahan Had Automatik, faedah ke atas jumlah sedemikian dan jumlah lain sedemikian yang tertunggak atau sebaliknya dijangka dan perlu dibayar oleh anda kepada kami perlu dibayar balik atas permintaan.
- 10.18 Jika anda tidak lagi memerlukan Kemudahan Had Automatik, dan tidak ada lagi jumlah tertunggak di bawah Kemudahan Had Automatik, anda boleh memohon untuk membatalkan Kemudahan Had Automatik dengan mengeluarkan Akaun Semasa daripada Akaun Deposit Berasaskan Masa.
- Semakan Berkala**
- 10.19 Kami berhak untuk menyemak semula Kemudahan Overdraf pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa tanpa mengira sama ada sesuatu Peristiwa Keingkaran telah berlaku. Tidak ada apa-apa dalam Terma ini akan dianggap sebagai apa-apa kewajipan

yang dikenakan ke atas kami sama ada dari segi undang-undang atau dalam ekuiti untuk menyediakan Kemudahan Overdraft kepada anda.

BHG. E. PERKHIDMATAN AM	
11.	Kad Debit
11.1	Penggunaan Kad Debit tertakluk kepada Terma dan Syarat Kad Debit Mastercard. Anda bersetuju bahawa Terma dan Syarat UOB Debit MasterCard, termasuk apa-apa pindaan kepada terma dan syarat dengan notis terlebih dahulu, seperti yang dilaksanakan dari semasa ke semasa, hendaklah dianggap dimasukkan dalam Terma ini. Sekiranya terdapat sebarang konflik antara Terma dan Syarat UOB Debit MasterCard dan Terma ini, Terma ini akan diguna pakai.
12.	Perjanjian Ahli Kad Visa / Mastercard UOB
12.1	Anda bersetuju bahawa terma dan syarat di dalam Perjanjian Ahli Kad Visa/Mastercard UOB kami, termasuk sebarang pindaan kepada terma dan syarat dengan notis terlebih dahulu, seperti yang dilaksanakan dari semasa ke semasa dianggap telah dimasukkan dalam Terma ini. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad Visa/Mastercard UOB dan Terma ini yang berhubung dengan Akaun, Terma ini akan dikekalkan.
13.	Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB
13.1	Sebagai tambahan kepada Terma ini, jika anda meminta perkhidmatan kami melalui Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB, Terma dan Syarat yang Mentadbir Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB akan digunakan sebagai tambahan kepada dan bukan penggantian untuk Terma ini. Anda boleh membaca Terma dan Syarat yang Mentadbir Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB di www.uob.com.my .
14.	Terma dan Syarat Perbankan Internet Peribadi dan Perkhidmatan Mudah Alih UOB
14.1	Sebagai tambahan kepada Terma ini, jika anda meminta perkhidmatan permohonan dalam talian kami melalui Perbankan Internet Peribadi UOB, Terma dan Syarat yang Mentadbir Perbankan Internet Peribadi dan Perkhidmatan Mudah Alih UOB akan digunakan sebagai tambahan kepada dan bukan penggantian untuk mana-mana Terma ini. Anda boleh membaca Terma dan Syarat yang Mentadbir Perbankan Internet Peribadi dan Perkhidmatan Mudah Alih UOB di www.uob.com.my .
15.	Cek / Buku Cek
15.1	Jika berkenaan, cek akan dibekalkan oleh kami atas permintaan anda. Sebarang fi termasuk duti setem yang perlu dibayar untuk cek akan dikenakan kepada anda dan didebitkan ke dalam Akaun.
15.2	Anda bertanggungjawab untuk:- <ol style="list-style-type: none"> mengeluarkan cek dengan cara yang betul. Anda akan mengeluarkan atau menulis sebarang cek dengan cara yang tidak memudahkan pindaan atau pemalsuan. Jumlah dalam perkataan dan nombor perlu ditulis dengan jelas dan dengan cara yang tidak meninggalkan ruang antara perkataan atau nombor atau antara jumlah dan perkataan 'Ringgit' atau tanda 'RM'. Apa-apa ruang selepas jumlah yang dinyatakan dalam perkataan perlu diisi sama ada dengan garis melalui ruang tersebut atau dengan menulis perkataan "sahaja"; mengira jumlah borang cek dan menyemak nombor Akaun serta nombor siri dengan teliti apabila menerima buku cek. Sebarang percanggahan atau ketidakteraturan yang didapati mesti dilaporkan kepada kami secara bertulis dengan serta-merta; memaklumkan kami jika anda tidak menerima buku cek anda dalam tempoh dua minggu dari tarikh permintaan buku cek anda; menyimpan buku cek dan cek dengan selamat pada setiap masa dan mengambil langkah penjagaan yang sewajarnya untuk mengelakkan kehilangan/kecurian atau penggunaan tanpa kebenaran bagi cek atau buku cek; memaklumkan kami secara bertulis dengan serta-merta sekiranya mana-mana buku cek dan dan cek tersalah letak, hilang atau dicuri.
24.2	Anda membenarkan kami menjalankan carian sedemikian terhadap anda setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.
25. Agen Kami	
25.1	Kami mungkin menggunakan perkhidmatan mana-mana bank atau agen di mana-mana lokasi yang kami anggap wajar berhubung dengan sebarang pengutipan atau transaksi perbankan lain bagi anda. Bank atau agen sedemikian akan dianggap sebagai agen dan kami tidak dalam apa-apa keadaan, akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan oleh anda untuk apa-apa tindakan atau peninggalan oleh mana-mana bank atau agen tersebut, atau untuk sebab kehilangan, kecurian, kemusnahan atau penghantaran lewat sebarang instrumen ketika dalam transit atau dalam milikan mana-mana bank atau agen sedemikian. Semua caj yang ditanggung oleh kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos, perbelanjaan, pembayaran, cukai, duti atau levi, akan dibeitikan daripada Akaun anda.
26. Sekatan Dan Pencegahan Pengubahan Wang Haram	
26.1	Anda mesti menyediakan dan mendedahkan kepada kami dalam tempoh masa yang kami tetapkan, sebarang kenyataan maklumat dan penjelasan berhubung dengan Akaun yang kami anggap perlu untuk:- (a) mematuhi undang-undang atau Sekatan di Malaysia atau mana-mana negara lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram atau pencegahan keganasan); dan/atau (b) menguruskan risiko pengubahan wang haram atau risiko pembiayaan keganasan atau risiko ekonomi dan sekatan perdagangan.
26.2	Sementara kami menunggu maklumat daripada anda dan sehingga kami mengesahkan maklumat tersebut pada kepuasan kami, kami tidak diwajibkan untuk meneruskan sebarang transaksi atau pembayaran.

26.3 Anda mengakui dan berjanji kepada kami bahawa pemprosesan mana-mana transaksi tidak akan melanggar sebarang undang-undang atau Sekatan di Malaysia atau mana-mana negara lain. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang timbul daripada apa-apa kelewatan atau kegagalan memproses mana-mana transaksi disebabkan oleh maklumat dan dokumentasi tidak mencukupi yang diberikan oleh anda.

27. Pengekalan Rekod Anda

27.1 Anda bersetuju bahawa kami tidak diwajibkan untuk mengekalkan sebarang rekod Akaun, termasuk tetapi tidak terhad kepada borang pembukaan akaun, Penyata Akaun, imej cek, slip deposit dan pengeluaran, surat-menyurat atau dokumen berhubung dengan Akaun, melebihi sebarang tempoh pengekalan seperti yang dinyatakan di bawah polisi dalaman, garis panduan dan prosedur kami dan/atau sebagaimana yang diperuntukkan di bawah sebarang Undang-undang yang Digunakan atau peraturan mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

28. Cukai, Duti Atau Levi

28.1 Anda bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai atau levi yang, pada tarikh pembukaan Akaun atau pada mana-mana tarikh selepas tarikh pembukaan Akaun, diperlukan oleh undang-undang atau peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah undang-undang sedemikian (dan akan termasuk apa-apa pindaan yang dilakukan kepada sebarang undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan sedemikian) untuk dibayar kepada mana-mana pihak atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, berhubung dengan apa-apa fi dan caj atau yang ditanggung oleh kami atau perkhidmatan yang disediakan berhubung dengan Akaun.

28.2 Sebarang cukai atau levi yang ditanggung oleh kami berhubung dengan Akaun dan apa-apa barangan atau perkhidmatan lain yang disediakan di bawah Akaun akan ditanggung dan dikenakan kepada anda dan jika kami melakukan sebarang pembayaran, anda akan bertanggungjawab untuk membayar balik kepada kami jumlah sedemikian yang telah dibayar.

29. Hak Untuk Mendebit

29.1 Tanpa menjejaskan sebarang hak lain yang kami mungkin miliki di bawah Terma ini atau dari segi undang-undang, kami boleh, pada bila-bila masa, tanpa memberikan anda apa-apa notis terlebih dahulu, mendebitkan Akaun anda atau mana-mana akaun lain (termasuk baki dalam mana-mana akaun overdraf) yang anda mungkin kekalkan dengan kami sama ada secara bersendirian atau dengan mana-mana individu lain dengan apa-apa wang sekalipun yang perlu dibayar oleh anda kepada kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos, perbelanjaan, pembayaran, cukai, duti atau levi.

29.2 Jika kami mendebit daripada Akaun anda, pendebitan tersebut tidak akan dianggap sebagai penepian kepada mana-mana Peristiwa Keingkaran.

29.3 Jika apa-apa pendebitan daripada mana-mana akaun anda menyebabkan akaun terlebih keluar, faedah pada kadar semasa sebagaimana yang kami mungkin kenakan dan tentukan dari semasa ke semasa perlu dibayar sewajarnya kepada kami.

30. Kos Dan Perbelanjaan

30.1 Semua kos dan perbelanjaan termasuk kos guaman, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh kami berhubung dengan Akaun, penguatkuasaan atau percubaan untuk mengekal atau menguatkuasakan hak kami di bawah Terma ini, dan apa-apa pengenaan cukai di bawah undang-undang atau peraturan pencukaian mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, akan dibayar oleh anda apabila dituntut pada dasar indemniti penuh, bersama faedah bermula dari tarikh tuntutan ke tarikh pembayaran penuh pada kadar sedemikian yang ditentukan oleh kami.

30.2 Kami berhak untuk mendebitkan Akaun dengan semua kos, perbelanjaan dan fi guaman yang ditanggung atau perlu dibayar oleh anda kepada kami berhubung dengan Akaun.

30.3 Kami berhak untuk menggunakan sebarang bayaran yang kami terima daripada anda untuk menyelesaikan semua kos, caj dan perbelanjaan dalam perkadaran dan aturan keutamaan sedemikian yang kami anggap sesuai, dan kami berhak untuk menempatkan dan mengekalkan sebarang bayaran yang diterima daripada anda pada kredit akaun tergantung sepanjang tempoh yang kami pilih. Sementara itu, kami tidak diwajibkan untuk menggunakan kesemua atau sebahagian yang sama terhadap pelepasan sebarang wang atau liabiliti yang dijangka atau ditanggung oleh anda di bawah Akaun.

31. Pengelakan Pembayaran

31.1 Sebarang jaminan, sekuriti atau pembayaran yang mungkin dibatalkan atau diketepikan di bawah sebarang undang-undang berhubung dengan ketakmampuan bayar dan sebarang pembebasan, penyelesaian atau pelepasan yang diberi atau dilakukan oleh kami berdasar pada keyakinan sebarang jaminan, sekuriti atau pembayaran sedemikian tidak akan memudaratkan atau menjejaskan hak kami untuk mendapat balik wang yang dijamin daripada anda pada tahap penuh di bawah Terma ini seolah-olahnya jaminan, sekuriti atau pembayaran tersebut belum diterima dan seolah-olahnya pembebasan, penyelesaian atau pelepasan sedemikian tidak diberikan. Sebarang pembebasan, penyelesaian atau pelepasan sedemikian akan dianggap telah dilakukan tertakluk kepada syarat bahawa ia akan menjadi tidak sah jika apa-apa bayaran atau sekuriti yang kami mungkin telah terima sebelum ini atau diterima selepas ini daripada mana-mana individu berhubung dengan wang yang anda bersetuju untuk membayar atau membayar balik telah diperuntukkan di bawah sebarang Undang-undang yang Digunakan atau dibuktikan tidak sah untuk apa-apa sebab.

32. Akaun Dalam Amanah

32.1 Jika Akaun dibuka dalam nama anda "secara amanah" atau "sebagai penama" (atau mempunyai makna yang sama), anda bersetuju dan mewakili kepada kami bahawa:-

- (a) anda dibenarkan untuk membuka dan menguruskan Akaun dan melakukan transaksi dengan kami;
- (b) anda akan mengendalikan dan menguruskan Akaun semata-mata untuk manfaat penerima Akaun dan selaras dengan terma amanah atau pengaturan penama dan sebarang Undang-undang yang Digunakan;
- (c) kami tidak perlu menyiasat tentang pengendalian dan urusan Akaun anda atau sama ada ia selaras dengan terma amanah atau pengaturan penama dan sebarang Undang-undang yang Digunakan; dan
- (d) anda akan melindungi kami terhadap apa-apa Kerugian yang berkenaan dengan pengendalian dan urusan Akaun.

33. Hak Tolak Selesai Dan Penggabungan

- 33.1 Sebagai tambahan kepada sebarang hak am untuk tolak selesai di bawah undang-undang atau mana-mana perjanjian lain, anda bersetuju bahawa kami boleh, tanpa pemberian notis kepada anda, menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun anda (sama ada Akaun, akaun semasa, deposit, pinjaman atau sebaliknya) dengan kami, sama ada secara tunggal atau bersama dengan mana-mana individu lain. Anda membenarkan kami, selepas memberikan anda notis tujuh (7) Hari, untuk tolak selesai atau memindah sebarang jumlah tertunggak dalam kredit untuk mana-mana akaun sedemikian, termasuk Akaun (sama ada matang atau sebaliknya) ("Baki Kredit") untuk atau terhadap penyelesaian liabiliti anda di bawah Terma ini atau di bawah mana-mana perjanjian lain dan/atau untuk apa-apa perkara, sama ada liabiliti tersebut adalah untuk masa kini atau masa hadapan, sebenar atau luar jangka, utama atau kolateral, dan berasingan atau bersama ("Liabiliti").
- 33.2 Pada pengeluaran notis yang dinyatakan dalam Klausula 33.1 Terma ini, anda bersetuju bahawa kami berhak untuk menguntukkan atau memegang Baki Kredit tersebut sebelum tolak selesai dan anda tidak boleh mengeluarkan sebarang Baki Kredit tanpa persetujuan bertulis kami terlebih dahulu.
- 33.3 Di mana penyatuan, tolak selesai, penggabungan atau pemindahan sedemikian memerlukan penukaran dari satu mata wang ke mata wang yang lain, penukaran sedemikian akan dikira pada kadar pertukaran lazim kami seperti yang kami tentukan.
- 33.4 Jika terdapat kekurangan antara jumlah yang perlu dibayar dan jumlah yang direalisasikan, anda mesti membayar jumlah perbezaan tersebut kepada kami dengan serta-merta apabila diminta, dan sehingga kami menerima bayaran sepenuhnya, anda juga perlu membayar faedah ke atas baki tersebut pada kadar sedemikian yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa, selepas dan sebelum apa-apa pengadilan, dan tidak mengira sama ada hubungan bank dan pelanggan antara anda dan kami telah berhenti atau ditamatkan.
- 33.5 Baki Kredit atau mana-mana hak, hak milik atau kepentingan anda dalamnya tidak boleh diserahkan, dipindah atau dibebankan (melainkan jika memihak kepada kami atau dengan kebenaran bertulis kami). Anda berjanji bahawa anda tidak akan, atau tidak bertujuan untuk, menjual, menyerahkan hak, memindah, menggadai janji, mengenakan caj atau sebaliknya mengurus atau membebaskan Baki Kredit tersebut atau mana-mana hak, hak milik atau kepentingan anda dalamnya, dan sebarang penjualan, penyerahan hak, pemindahan, gadai janji, caj atau urusan lain sedemikian akan menjadi tidak sah.
- 33.6 Selagi anda berhutang wang atau tanggungan (dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul) kepada kami, anda hanya boleh mengeluarkan baki kredit ke Akaun atau mana-mana akaun anda dengan kami, dengan persetujuan kami. Kami boleh pada bila-bila masa menahan sebarang Baki Kredit anda sementara menunggu penyelesaian penuh semua wang atau kewajipan yang terhutang kepada kami.
- Tiada Tolak Selesai atau Tuntutan Balas oleh Pemegang Akaun**
- 33.7 Sehingga semua wang terhutang telah dibayar atau diselesaikan sepenuhnya, anda tidak berhak untuk menuntut sebarang tolak selesai atau tuntutan balas terhadap kami berkaitan dengan apa-apa liabiliti kami kepada anda, dengan membayar sebarang jumlah yang boleh didapatkan kembali oleh kami atau dengan apa cara sekalipun atau pada apa-apa alasan lain. Anda bersetuju bahawa tiada apa-apa dalam pengaturan antara kami akan dianggap sebagai mengandungi perjanjian tersirat yang mengehendkan atau menafikan sebarang lien, caj, jaminan, hak untuk tolak selesai atau hak sedia ada yang lain kami atau yang dinyatakan oleh undang-undang.

34. Keadaan Di Luar Kawalan Kami

- 34.1 Jika kami tidak dapat:-
- melaksanakan sebarang kewajipan kami di bawah Terma ini;
 - menjalankan apa-apa operasi; atau
 - menyediakan sebarang perkhidmatan kepada anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa pengurangan dalam nilai dana dalam Akaun atau ketidakupayaan untuk membayar apa-apa dana dalam Akaun kepada anda);
- akibat apa-apa sebab di luar kawalan kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada:-
- apa-apa kebakaran, gempa bumi, banjir, kilat, tsunami, epidemik, malapetaka semula jadi, kemalangan, kerusuhan, kekacauan awam, pertikaian industri, tindakan keganasan, embargo, peperangan atau bencana alam;
 - apa-apa kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, bekalan elektrik, air, bekalan bahan api; atau
 - apa-apa keadaan dalam bentuk *force majeure*, iaitu sesuatu peristiwa tidak diduga yang menghalang kami daripada melaksanakan kewajipan kami di bawah Terma ini;
 - mata wang negara asal yang berkenaan menyekat ketersediaan, kredit atau pemindahan dana ke dalam Akaun;
- kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan untuk melaksanakan, atau untuk sebarang kesulitan, kerugian, kecederaan atau ganti rugi yang mungkin dialami atau ditanggung oleh anda secara langsung atau tidak langsung akibat kegagalan tersebut.

35. Indemniti

- 35.1 Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan sebarang hak atau remedi (undang-undang atau sebaliknya), setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan melainkan jika ia disebabkan oleh salah laku yang sengaja atau kecuaiian kasar, anda akan menuntut ganti rugi kami dan melindungi kami tidak mempertanggungjawabkan daripada semua kerugian, kos, caj dan perbelanjaan apa-apa sekalipun, termasuk kos guaman pada dasar indemniti penuh, serta semua barangan dan perkhidmatan, nilai ditambah dan duti, levi dan cukai lain yang perlu dibayar ke atas kos, caj dan perbelanjaan sedemikian yang kami mungkin menampung, mengalami atau menanggung akibat:
- apa-apa kegagalan anda untuk mematuhi mana-mana Terma ini atau terma dan syarat lain sedemikian yang digunakan;
 - kami bertindak mengikut arahan anda atau dalam apa-apa cara yang dibenarkan di bawah Terma ini;
 - apa-apa perubahan dalam sebarang Undang-undang yang Digunakan termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang undang-undang pencukaian atau peraturan mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami;
 - apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan atau yang menyebabkan ia dilakukan oleh kami berhubung dengan atau yang merujuk kepada Akaun atau Terma ini;
 - kami bergantung atau bertindak dengan niat baik ke atas apa-apa arahan daripada anda walaupun ia kemudiannya menunjukkan bahawa arahan tersebut tidak diberi, tidak bertulis atau tidak dibenarkan oleh anda;
 - pelaksanaan fungsi kami sebagai bank untuk anda termasuk tetapi tidak terhad kepada pengutipan cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan untuk kutipan;
 - pengekalan atau penguatkuasaan hak kami di bawah Terma ini;

- (h) apa-apa tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak terhadap anda atau mana-mana Akaun untuk apa-apa sebab sekalipun termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang penggunaan Akaun secara tidak sah, palsu, cuai atau tanpa kebenaran;
 - (i) mana-mana penglibatan kami dalam sebarang prosiding dalam apa-apa bentuk sekalipun bagi perlindungan atau yang berhubung dengan Akaun; dan/atau
 - (j) berlakunya sesuatu Peristiwa Keingkaran.
- 35.2 Pengesahan kami untuk jumlah kerugian atau perbelanjaan tersebut adalah muktamad dan akan mengikat anda melainkan terdapat sebarang kesilapan yang nyata.

36. Tiada Penepian

- 36.1 Anda bersetuju bahawa jika anda melanggar mana-mana Terma ini, kami mungkin menentukan untuk tidak melaksanakan apa-apa hak atau remedi yang kami mungkin ada berhubung dengan pelanggaran anda.
- 36.2 Anda bersetuju, walaupun kami mungkin tidak melaksanakan apa-apa hak atau remedi yang tersedia kepada kami sejurus selepas pelanggaran anda, anda bersetuju bahawa kami tidak akan dipertanggungjawabkan untuk mengetepikan atau membebaskan pelanggaran tersebut. Berikutan ini, kami mungkin pada bila-bila masa melaksanakan semua atau mana-mana hak atau remedi yang disediakan kepada kami di bawah Terma ini dan sebarang Undang-undang yang Digunakan. Apa-apa kelewatan di pihak kami dalam mengambil langkah-langkah untuk menguatkuasakan remedi yang tersedia kepada kami di bawah Terma ini atau sebarang Undang-undang yang Digunakan tidak akan menjejaskan hak kami dalam apa-apa cara sekalipun untuk mengambil langkah-langkah tersebut dan kami mengekalkan hak pada bila-bila masa selepas itu untuk menguatkuasakan atau menegaskan hak kami berhubung dengan pelanggaran tersebut atau apa-apa pelanggaran berikutnya oleh anda.

37. Kebolehasingan

- 37.1 Jika mana-mana peruntukan dalam Terma ini menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut akan dianggap sebagai telah dikeluarkan daripada Terma ini. Namun demikian, Terma yang lain akan terus berkuatkuasa dan tidak terjejas dalam apa-apa cara sekalipun oleh peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut.

38. Remedi Kumulatif

- 38.1 Hak, remedi, kuasa, dan keistimewaan yang disediakan di bawah Terma ini ialah kumulatif dan tidak mengecualikan apa-apa hak, remedi, dan keistimewaan yang disediakan oleh undang-undang, dalam mana-mana perjanjian lain antara pihak-pihak berkenaan atau sebaliknya.

39. Perlindungan Hak Dan Kelayakan

- 39.1 Anda bersetuju, tanpa mengira apa yang dinyatakan di bahagian lain Terma ini, bahawa hak dan kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Terma ini akan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya, dan akan dikekalkan walaupun dengan sebarang penutupan, pembatalan, pemansuhan atau penggantungan Akaun.

40. Penyerahan Hak

- 40.1 Syarat-syarat ini mengikat dan memastikan untuk kepentingan kami dan anda dan pengganti anda masing-masing dalam hakmilik dan penerima hak yang dibenarkan. Syarat ini akan terus mengikat anda tanpa mengira: -
- (a) apa-apa perubahan dalam nama atau perlembagaan kami; atau
 - (b) penyatuan atau penggabungan kami ke atau dengan entiti lain, dan sekiranya berlaku, entiti tersebut akan menggantikan kami sehubungan dengan Syarat-Syarat ini dan Syarat-syarat ini akan terus berkuatkuasa di antara anda dan entiti tersebut.
- 40.2 Anda tidak boleh menyerahkan sebarang hak anda di bawah Terma ini dan di bawah Akaun tanpa kebenaran bertulis kami terlebih dahulu.
- 40.3 Kami boleh menyerahkan mana-mana atau semua hak kami di bawah Terma ini dan di bawah Akaun kepada mana-mana individu yang kami anggap sesuai.

41. Undang-Undang Yang Mentadbir

- 41.1 Terma ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia, dan anda secara muktamad:
- (a) menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia;
 - (b) mengetepikan sebarang bantahan pada alasan kesesuaian tempat, bidang kuasa, atau apa-apa alasan yang bersamaan; dan
 - (c) membenarkan penyampaian Proses Undang-undang melalui apa-apa cara yang dibenarkan oleh Terma ini dan/atau Undang-undang yang Digunakan.

42. Pengikatan Pengganti

- 42.1 Terma ini akan mengikatkan waris, wakil peribadi dan pengganti hak milik anda, serta pengganti hak milik dan pemegang serah hak kami.

43. Penyampaian Proses Undang-Undang

- 43.1 Sebagai tambahan kepada dan bukan penggantian untuk apa-apa cara perkhidmatan yang mungkin dibenarkan atau ditetapkan oleh sebarang undang-undang bertulis yang berkuat kuasa pada masa ini, sebarang perkhidmatan Proses Undang-undang oleh atau bagi pihak kami dapat dilaksanakan ke atas anda:
- (a) dengan meninggalkan satu salinan di alamat yang dinyatakan dalam borang permohonan untuk pembukaan Akaun atau dalam apa-apa komunikasi yang dikatakan telah dikeluarkan oleh anda kepada kami atau yang terakhir diketahui kami dan ia akan dianggap telah diterima oleh anda pada hari ia ditinggalkan di alamat tersebut; atau
 - (b) dengan menghantar satu salinan melalui pos berdaftar prabayar atau biasa ke alamat yang dinyatakan dalam borang permohonan untuk pembukaan Akaun atau dalam apa-apa komunikasi yang dikatakan telah dikeluarkan oleh anda kepada

kami atau yang terakhir diketahui kami dan ia akan dianggap telah diterima oleh anda dengan sewajarnya pada hari ketiga (ke-3) (termasuk hari pengeposan) dari tarikh ia dihantar.

44.	Pemindaan	
44.1	Setakat yang dibenarkan undang-undang sepenuhnya, kami secara munasabah boleh meminda Terma ini (termasuk menambah terma baru ataupun melupuskan atau menggantikan sebarang terma sedia-ada) dengan memberikan anda notis dua puluh satu (21) Hari terlebih dahulu. Kami boleh memberikan notis perubahan melalui pemaparan pada laman web rasmi di www.uob.com.my , <u>memaparkan notis di mana-mana cawangan kami, memasukkannya dalam Penyata Akaun atau melalui apa-apa cara dimaklumkan kepada anda.</u> Anda bersetuju mengakses laman web kami di www.uob.com.my pada selang masa yang tetap untuk membaca Terma ini dan untuk memastikan anda sentiasa mengikuti perkembangan terkini dengan sebarang perubahan atau variasi kepada Terma ini.	
44.2	Jika anda tidak bersetuju dengan pindaan tersebut, anda mesti menutup Akaun dalam tempoh tujuh (7) Hari daripada tarikh pemberitahuan. Jika anda tidak berbuat demikian, anda akan dianggap telah menerima dan bersetuju dengan perubahan sedemikian dan perubahan tersebut akan mengikat anda.	
44.3	Kami boleh, pada bila-bila masa meminda, mengubah suai, menyemak semula, menyekat, meningkat, menggantung, membatalkan atau menarik balik semua atau mana-mana kemudahan, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan Akaun dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada anda. Setakat sepenuhnya yang dibenarkan undang-undang, anda tidak berhak untuk menuntut sebarang pampasan terhadap kami untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami akibat daripada sebarang perubahan, pengeluaran atau penambahan kepada mana-mana Terma ini.	
BHG. H.	TERMA UNTUK AKAUN DAN PERKHIDMATAN TERTENTU	
45.	Faedah	
45.1	Faedah dibayar pada kadar faedah semasa Bank berdasarkan jenis Akaun. Pada penutupan Akaun, faedah sehingga hari sebelum tarikh tutup akan dibayar kepada anda.	
45.2	Sekiranya transaksi deposit atau pengeluaran dilakukan pada hari terakhir bulan yang merupakan hari bukan perniagaan dan dicatat pada Hari Perniagaan seterusnya pada bulan berikutnya, transaksi deposit atau pengeluaran tersebut dianggap dilakukan pada bulan berikutnya untuk tujuan mengira faedah. Baki termasuk deposit yang dibuat ke akaun anda akan dimasukkan dalam pengiraan faedah untuk bulan berikutnya.	
45.3	Sekiranya hari terakhir bulan jatuh pada hari bukan perniagaan, tarikh pembayaran faedah akan dipindahkan ke Hari Perniagaan sebelumnya. Contoh: Hari terakhir bulan jatuh pada hari Sabtu, baki terakhir pada hari Jumaat akan digunakan sebagai baki terakhir untuk hari Sabtu tanpa mengira samada baki terakhir pada hari Sabtu adalah lebih tinggi atau lebih rendah berbanding hari Jumaat. Sekiranya hari Jumaat adalah hari cuti umum, baki terakhir pada hari Khamis akan mewakili baki terakhir hari Jumaat dan Sabtu.	
45.4	Kami mungkin, dari semasa ke semasa, mengubah kadar faedah yang perlu dibayar, asas pengiraan atau selang waktu di mana faedah sedemikian perlu dibayar. Notis sedemikian akan diberikan kepada anda mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma ini.	
46.	Baki Purata Bulanan	
46.1	Untuk tujuan akaun, "Baki Purata Bulanan" bermaksud penjumlahan setiap baki terakhir yang dicatatkan dalam Akaun untuk setiap bulan kalendar dibahagi dengan jumlah hari kalendar untuk bulan tersebut.	
46.2	Baki Purata Bulanan di kira seperti dinyatakan di bawah:	
	<table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td> $\frac{\text{Jumlah kesemua Baki Terakhir dalam bulan pengiraan}}{\text{Jumlah hari dalam bulan pengiraan}}$ </td> </tr> </table>	$\frac{\text{Jumlah kesemua Baki Terakhir dalam bulan pengiraan}}{\text{Jumlah hari dalam bulan pengiraan}}$
$\frac{\text{Jumlah kesemua Baki Terakhir dalam bulan pengiraan}}{\text{Jumlah hari dalam bulan pengiraan}}$		
46.3	Dalam pengiraan Baki Purata Bulanan, hari Sabtu dan hari cuti umum Malaysia dianggap sebagai hari tidak diproses. Baki terakhir sebelum tarikh hari tidak diproses akan digunakan untuk mewakili Baki Terakhir pada hari tersebut. Contoh: Baki Terakhir pada hari Jumaat akan digunakan sebagai Baki Terakhir untuk hari Sabtu tanpa mengira samada Baki Terakhir pada hari Sabtu adalah lebih tinggi atau lebih rendah berbanding hari Jumaat. Sekiranya hari Jumaat adalah hari cuti umum, Baki Terakhir pada hari Khamis akan mewakili Baki Terakhir hari Jumaat dan Sabtu.	
47	Akaun Simpanan	
47.1	Akaun Simpanan Asas	
(a)	Hanya untuk warganegara Malaysia atau pemastautin tetap. <ul style="list-style-type: none"> • Individu berumur dua belas (12) tahun dan ke atas. • Untuk Kanak-kanak berumur antara dua belas (12) hingga lapan belas (18) tahun, Persetujuan ibu bapa atau penjaga sah adalah diperlukan. Ibu bapa atau penjaga sah bersetuju untuk menanggung sepenuhnya dan memastikan Bank tidak menanggung sebarang liabiliti pada setiap masa terhadap semua tuntutan, tindakan, prosiding, permintaan, kerugian, kerosakan, kos, caj, liabiliti dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank berhubung dengan atau yang timbul daripada: <ul style="list-style-type: none"> ▪ pembukaan dan penyelenggaraan akaun; ▪ penyediaan perkhidmatan kepada Pemohon; dan/atau ▪ penggunaan perkhidmatan tersebut oleh Pemohon (termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kad debit), setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, dengan syarat bahawa kerugian tersebut bukan disebabkan oleh kecuaiian serius atau salah laku disengajakan oleh Bank. • Akaun boleh dibuka secara individu atau bersama. 	
(b)	Kelayakan (Untuk akaun yang dibuka pada atau selepas 1 April 2026) Hanya untuk warganegara Malaysia atau pemastautin tetap yang memenuhi mana-mana kriteria berikut layak untuk membuka Akaun Simpanan Asas. <ul style="list-style-type: none"> • Individu berumur enam puluh (60) tahun dan ke atas. 	

- Individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas yang tergolong di bawah mana-mana kategori berikut:
 - (i) Orang kurang upaya;
 - (ii) Individu tanpa pendapatan atau yang tergolong dalam kategori berpendapatan rendah;
 - (iii) Individu yang tidak mahir digital atau yang tinggal di kawasan dengan sambungan internet yang lemah;
 - (iv) Pelajar sepenuh masa.
 - Kanak-kanak di bawah umur dua belas (12) tahun
 - (i) Akaun Asas Simpanan-i hendaklah ditetapkan sebagai akaun amanah, yang dipegang oleh ibu bapa atau penjaga sah bagi pihak kanak-kanak tersebut.
 - (ii) Akaun tersebut hendaklah dikendalikan secara tunggal oleh ibu bapa atau penjaga sah sehingga kanak-kanak tersebut mencapai umur dua belas (12) tahun dan menerima Kad Pengenalan (NRIC).
 - (iii) Apabila kanak-kanak tersebut mencapai umur dua belas (12) tahun dan memperoleh NRIC, akaun boleh dikendalikan oleh kanak-kanak tersebut sendiri atau oleh ibu bapa atau penjaga sah secara individu, atau secara bersama oleh kedua-dua pihak, mengikut kesesuaian.
 - Akaun boleh dibuka secara individu atau bersama. Bagi akaun bersama, semua pemegang akaun mesti memenuhi kriteria kelayakan.
- (c) Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun ialah Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20).
- (d) Bank akan menyediakan penyata akaun bulanan.
- (e) Faedah akan dibayar ke atas sebarang baki kredit dalam Akaun Simpanan Asas. Faedah akan terakru harian dan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan Asas dua kali setahun, iaitu pada akhir bulan Jun dan Disember.
- (f) Definisi:
- (i) **“Orang Kurang Upaya”** merujuk kepada individu yang mempunyai dokumentasi ketidakupayaan yang sah (daripada doktor atau pakar yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia), kad Orang Kurang Upaya (OKU) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Malaysia, atau individu yang mengisytiharkan status ketidakupayaan melalui borang Bank.
 - (ii) **“Individu tanpa pendapatan atau yang tergolong dalam kategori berpendapatan rendah”** merujuk kepada individu yang diklasifikasikan sebagai berpendapatan rendah berdasarkan penanda aras yang berwibawa, seperti laporan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, tertakluk kepada semakan berkala oleh Bank.
 - (iii) **“Individu yang tidak mahir digital atau yang tinggal di kawasan dengan sambungan internet yang lemah”** merujuk kepada individu yang mempunyai tahap keupayaan digital yang rendah atau akses yang terhad kepada sambungan internet yang boleh dipercayai.

47.2 Akaun Savings Plus

- (a) Hanya individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibenarkan untuk membuka Akaun Savings Plus.
- (b) Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun ialah Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000).
- (c) Faedah akan dibayar ke atas sebarang baki kredit dalam Akaun Savings Plus. Faedah akan terakru harian dan dikreditkan ke dalam Akaun Savings Plus dua kali setahun, iaitu pada akhir bulan Jun dan Disember.

47.3 Akaun Simpanan Buku Simpanan

- (a) Hanya individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibenarkan untuk membuka Akaun Simpanan Buku Simpanan.
- (b) Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun Simpanan Buku Simpanan ialah Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000).
- (c) Buku simpanan Akaun Simpanan Buku Simpanan mesti dikemukakan untuk sebarang transaksi deposit atau pengeluaran yang dilakukan di kaunter.
- (d) Faedah akan dibayar ke atas sebarang baki kredit dalam Akaun Simpanan Buku Simpanan. Faedah akan terakru harian dan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan Buku Simpanan dua kali setahun, iaitu pada akhir bulan Jun dan Disember.

47.4. Akaun InvestPro

- (a) Hanya individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibenarkan untuk membuka Akaun InvestPro.
- (b) Bagi kanak-kanak berumur dua belas (12) hingga ke bawah lapan belas (18) tahun, Akaun ProSave-i mesti dibuka bersama ibu bapa atau penjaga yang sah yang mesti merupakan pemegang Akaun utama.
- (c) Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun InvestPro ialah Ringgit Malaysia Seratus (RM100).
- (d) Faedah akan dibayar ke atas sebarang baki kredit dalam Akaun InvestPro. Faedah akan terakru harian dan dikreditkan ke dalam Akaun InvestPro pada akhir setiap bulan kalendar.
- (e) Anda boleh menikmati bayaran balik untuk fi pengeluaran tunai yang dikenakan sehingga empat (4) kali setiap bulan kalendar yang dilakukan melalui rangkaian ATM berkongsi MEPS di Malaysia (ATM yang dimiliki oleh bank ahli MEPS yang mengambil bahagian) dengan syarat anda mengekalkan Baki Purata Bulanan minimum sebanyak RM5,000 dalam Akaun InvestPro anda. Bayaran balik untuk fi pengeluaran tunai MEPS akan dikreditkan setiap bulan ke dalam Akaun InvestPro anda dalam tempoh enam puluh (60) hari dari akhir setiap bulan kalendar.

47.5. Akaun FunSavers

- (a) Hanya warganegara Malaysia atau pemastautin tetap berumur di bawah lapan belas (18) tahun pada tarikh permohonan dibenarkan untuk membuka Akaun FunSavers.
- (b) Akaun boleh dibuka secara tunggal atau bersama.
- (c) Jika individu tersebut berada di bawah umur 12 tahun, Akaun FunSavers merupakan akaun amanah. Ia dipegang secara amanah oleh ibu bapa atau penjaga sah bagi manfaat individu bawah umur tersebut. Akaun FunSavers akan dikendalikan oleh ibu bapa atau penjaga sah (mengikut mana yang berkenaan) secara tunggal sehingga individu bawah umur tersebut mencapai umur 12 tahun dan telah mendapat Kad Pengenalan Pendaftaran Negara. Selepas itu, Akaun FunSavers akan dikendalikan oleh individu bawah umur tersebut atau ibu bapa atau penjaga sah (yang mana berkenaan) sama ada secara tunggal atau kedua-duanya sekali secara bersama.

- (d) Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun FunSavers ialah Ringgit Malaysia Satu (RM1).
- (e) Buku simpanan akan dikeluarkan untuk setiap Akaun FunSavers. Buku simpanan FunSavers mesti dikemukakan untuk sebarang transaksi deposit atau pengeluaran yang dilakukan di kaunter.

Penukaran Akaun FunSavers ke Akaun Simpanan Buku Simpanan

- (a) Akaun FunSavers akan ditukar ke Akaun Simpanan Buku Simpanan pada tahun individu bawah umur tersebut mencapai umur 18 tahun.
- (b) Kami berhak untuk tidak menerima deposit melalui cek yang dibayar kepada individu bawah umur tersebut.
- (c) Faedah akan dibayar ke atas sebarang baki kredit dalam Akaun FunSavers. Faedah akan terakru harian dan dikreditkan ke dalam Akaun FunSavers dua kali setahun, iaitu pada akhir bulan Jun dan Disember.

47.6 One Account

47.6.1

Kelayakan

- (a) Hanya individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibenarkan untuk membuka One Account.
- (b) One Account hanya boleh dibuka secara tunggal oleh pemegang akaun tunggal. Setiap individu hanya boleh mengekalkan satu (1) One Account pada bila-bila masa. Jika kami menyedari bahawa anda mengekalkan lebih daripada satu (1) One Account, kami berhak untuk menutup dan menamatkan mana-mana One Account tambahan tersebut dengan notis kepada anda.
- (c) Deposit permulaan minimum untuk membuka One Account ialah Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500).
- (d) One Account adalah akaun dalam denominasi Ringgit Malaysia. Tiada penyata fizikal untuk One Account akan dikeluarkan atau dihantar melalui pos. Hanya ePenyata bagi One Account akan dikeluarkan dan ini boleh didapati melalui PIB atau UOB TMRW App.
- (e) Kad Debit anda akan dikaitkan kepada One Account sebagai akaun utama untuk transaksi EFTPOS secara lalai pada pembukaan akaun dan layak menjadi Kad yang Layak. Sebaik sahaja One Account ditetapkan dan dikaitkan sebagai akaun utama, akaun utama yang ditetapkan sebelum ini, jika ada, akan ditamatkan sebagai akaun utama secara automatik dan tidak lagi dikaitkan kepada Kad Debit untuk transaksi EFTPOS.
- (f) Jika anda ingin menukar akaun utama Kad Debit ke akaun Simpanan atau Semasa yang lain, perbelanjaan Kad Debit tidak akan dikira di bawah kriteria yang Layak Kad Debit untuk Faedah Bonus One Account seperti yang dinyatakan dalam klausa 47.6.5 Jadual 2.

47.6.2

Manfaat

Anda boleh menikmati bayaran balik untuk fi pengeluaran tunai yang dikenakan sehingga empat (4) kali setiap bulan kalendar yang dilakukan melalui rangkaian ATM berkongsi MEPS di Malaysia (ATM yang dimiliki oleh bank ahli MEPS yang mengambil bahagian) dengan syarat anda mengekalkan Baki Purata Bulanan minimum sebanyak RM5,000 dalam One Account anda. Bayaran balik untuk fi pengeluaran tunai MEPS akan dikreditkan setiap bulan ke dalam One Account anda dalam tempoh enam puluh (60) hari dari akhir setiap bulan kalendar.

47.6.3

Pengeluaran

Penggunaan Kad Kredit yang Dikaitkan untuk perkhidmatan pengeluaran tunai adalah tertakluk kepada had maksimum harian atau bulanan (yang ditetapkan oleh kami pada bila-bila masa). Kami boleh, memerlukan anda pada bila-bila masa untuk menetapkan had ke atas transaksi harian atau bulanan anda dalam Ringgit Malaysia dan anda tidak boleh menggunakan Kad Kredit yang Dikaitkan untuk pengeluaran tunai melebihi Had tersebut daripada One Account anda.

47.6.4

Faedah Perlu Dibayar oleh Kami kepada Anda

- (a) Faedah Asas akan dibayar pada Baki Penghujung Hari pada kadar faedah semasa kami atau kadar lain sedemikian yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa ("Kadar Faedah Asas"). Faedah Asas akan dikira setiap hari dan dikreditkan ke dalam One Account pada akhir setiap bulan kalendar.
- (b) Faedah Asas nominal untuk One Account dinyatakan di bawah:

Baki dalam One Account	Kadar Nominal* (% setahun)
RM200,000 pertama	0.05%
Lebih daripada RM200,000	1.65%

*Kadar yang dipaparkan di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Untuk Faedah Asas yang terkini, sila rujuk kepada laman web rasmi kami di www.uob.com.my.

- (c) Faedah Asas dikira secara progresif (hanya menggunakan jumlah dalam peringkat yang bersamaan dan bukan keseluruhan baki) seperti yang diuraikan di bawah:

$$\frac{\text{Baki Penghujung Hari} \times \text{Peringkat Faedah Asas} \times \text{Jumlah Hari Sebenar untuk Bulan yang Dikira}}{\text{Jumlah Hari Sebenar untuk Tahun}}$$

- (d) Pada penutupan One Account, Faedah Asas sehingga hari sebelum tarikh tutup One Account akan dibayar kepada anda.

47.6.5

Faedah Bonus

- (a) Sebagai tambahan kepada Faedah Asas, jika anda memenuhi Kriteria yang layak yang dinyatakan dalam jadual 1 dan 2 di bawah dalam satu bulan kalendar, Kadar Faedah Bonus akan dibayar pada Baki Purata Bulanan sehingga RM200,000 untuk bulan kalendar tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, jika lebih dari dua (2) Kriteria yang layak telah dipenuhi, anda hanya berhak menerima Kadar Faedah Bonus yang ditetapkan sehingga dua (2) Kriteria yang di layak.

Jadual 1: Peringkat Faedah Bonus One Account

Bilangan Kriteria Layak Dipenuhi setiap bulan	Baki dalam One Account (RM)	Faedah Bonus Kadar Nominal* (% setahun)
Satu (1) Kriteria yang Layak	RM25,000 pertama	0.25%
	RM25,000 berikutnya	0.40%
	RM50,000 berikutnya	1.40%
	RM100,000 berikutnya	1.40%
	Lebih daripada RM200,000	0.00%
Dua (2) Kriteria yang Layak	RM25,000 Pertama	1.45%
	RM25,000 berikutnya	1.60%
	RM50,000 berikutnya	5.60%
	RM100,000 berikutnya	3.60%
	Lebih daripada RM200,000	0.00%

*Kadar yang dipaparkan di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Untuk Faedah Bonus yang terkini, sila rujuk kepada laman web rasmi kami di www.uob.com.my.

Jadual 2: Senarai Kriteria yang Layak untuk Faedah Bonus One Account

Jenis Transaksi Kriteria yang Layak	Penerangan
Perbelanjaan Kad Kredit atau Debit	Memenuhi Perbelanjaan Runcit kumulatif bulanan minimum sebanyak RM500.00 (atau apa-apa jumlah yang ditetapkan oleh kami) menggunakan Kad yang Layak.
Pemindahan Dana masuk	Berjaya menandatangani minimum RM2,000 ke dalam One Account setiap bulan melalui mana-mana kaedah berikut: <ol style="list-style-type: none"> Pindahan dana masuk daripada bank lain DuitNow (Bayar ke Nombor Akaun) Kredit gaji yang diterima melalui fungsi kredit gaji UOB Infinity (kod transaksi: 4477, 3410, 3411, 3412, 3515, 3516, 3517) atau melalui kredit gaji kakitangan UOB Malaysia <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pindahan yang dibuat daripada akaun UOB Malaysia yang lain (pindahan dalaman) tidak akan dianggap sebagai layak. Sekiranya seorang pelanggan membuat kedua-duanya, iaitu kredit gaji melalui UOB Infinity sekurang-kurangnya RM2,000 dan pindahan masuk DuitNow/IBG sekurang-kurangnya RM2,000 dalam bulan yang sama, tindakan-tindakan tersebut akan dianggap sebagai dua (2) tindakan kelayakan yang berasingan di bawah Kriteria Kelayakan ini.
Pembayaran Bil	Berjaya melakukan minimum tiga (3) pembayaran bil (dengan setiap jumlah bil RM50 atau jumlah apa-apa yang ditetapkan oleh kami) menggunakan One Account melalui Perbankan Internet Peribadi UOB atau UOB TMRW App setiap bulan.
Akaun Simpanan Baru	Pelanggan Baru-Deposit yang membuka One Account sebagai produk deposit pertama mereka di UOB akan berhak menikmati Faedah Bonus pengenalan 6 bulan. Pelanggan yang telah membuka atau menutup sebarang akaun semasa atau simpanan di UOB sebelum One Account tidak akan berhak mendapat Faedah Bonus di bawah Kriteria Yang Layak ini.
Debit Langsung	Berjaya melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) transaksi debit langsung (dengan setiap jumlah transaksi RM50 atau sejumlah wang yang ditetapkan oleh kami) menggunakan One Account melalui Perbankan Internet Peribadi UOB dan / atau UOB TMRW App setiap bulan. Transaksi yang layak di bawah Debit Langsung adalah: <ol style="list-style-type: none"> Debit automatik insurans kepada Prudential Insurance Malaysia; FPX debit; atau Debit Langsung

- (b) Sekiranya Perbelanjaan Runcit adalah dalam mata wang selain Ringgit Malaysia (RM), perbelanjaan tersebut akan, bagi tujuan Perbelanjaan Runcit Kumulatif Minimum dan selepas pertukaran kepada RM, pada kadar yang akan ditentukan oleh kami dan akan berdasarkan rekod transaksi kami sahaja.
- (c) Untuk melayakkan transaksi sebagai Transaksi Kriteria Layak bagi sesuatu bulan kalendar, transaksi tersebut mestilah berjaya direkodkan dan diposkan dalam sistem kami dalam bulan kalendar yang sama. Sebarang transaksi yang dimulakan dalam bulan berkenaan tetapi hanya diposkan pada bulan berikutnya disebabkan oleh tempoh pemprosesan sistem akan dianggap sebagai transaksi bagi bulan berikutnya dan tidak akan melayakkan diri untuk bulan terdahulu.
- (d) Kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran atau pengeposan transaksi oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, premis peniaga, bank luar, rangkaian pembayaran, pihak berkuasa pos atau telekomunikasi, atau mana-mana pihak lain, yang boleh menyebabkan anda gagal memenuhi Kriteria Layak atau gagal melayakkan diri untuk menerima Faedah Bonus bagi mana-mana bulan kalendar tertentu.
- (e) Faedah Bonus yang dikira pada akhir setiap bulan kalendar dan tertakluk kepada Klausa 47.6.5(f) dan 47.6.5(g) di bawah, dikreditkan kedalam One Account pada awal bulan berikutnya.
- (f) Faedah Bonus dikira secara progresif (hanya menggunakan jumlah dalam peringkat yang bersamaan dan bukan keseluruhan baki) seperti yang diuraikan di bawah:

$$\text{Baki Purata Bulanan} \times \text{Peringkat Faedah Bonus} \times \text{Jumlah Hari Sebenar untuk Bulan yang Dikira} \\ \text{Jumlah Hari Sebenar untuk Tahun}$$

- (g) Pada waktu Faedah Bonus dikreditkan, Kad yang Layak mestilah sah, terkini, wujud dan dalam kedudukan kredit yang baik sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh kami dan mutlak kami dan tidak melanggar mana-mana Terma ini, terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad Visa/MasterCard UOB dan/atau Terma dan Syarat MasterCard UOB.

- (h) Kami berhak untuk membatalkan Faedah Bonus untuk sesuatu bulan tertentu sekiranya:
- (i) terdapat pembalikan dalam kemasukan transaksi Perbelanjaan Runcit untuk bulan tersebut;
 - (ii) terdapat pembatalan/penamatan untuk Kad yang Layak sebelum Faedah Bonus dikreditkan ke dalam One Account;
 - (iii) terdapat ketidakpatuhan atau pelanggaran Terma ini, terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad Visa/MasterCard UOB dan/atau Terma dan Syarat MasterCard UOB; dan/atau
 - (iv) One Account dibatalkan, ditutup atau digantung sebelum Faedah Bonus dikreditkan ke dalam One Account, dengan notis terlebih dahulu tanpa memberi apa-apa sebab.
- (i) Sekiranya mana-mana transaksi Kriteria yang Layak dilakukan pada hari terakhir bulan yang merupakan hari bukan perniagaan dan dicatat pada hari perniagaan seterusnya pada bulan berikutnya, transaksi Kriteria yang Layak tersebut dianggap dilakukan pada bulan berikutnya untuk tujuan mengira Faedah Bonus.
- (j) Jika Faedah Bonus untuk sesuatu bulan tertentu telah dikreditkan ke dalam One Account, tetapi anda gagal memenuhi syarat kelayakan Faedah Bonus untuk bulan tersebut akibat daripada pembalikan kemasukan transaksi Perbelanjaan Runcit untuk bulan tersebut, kami berhak untuk mendebit jumlah yang dibayar sebagai Faedah Bonus untuk bulan tersebut daripada One Account.
- (k) Kami berhak untuk menentukan dan mengubah jumlah minimum yang diperlukan atau bilangan transaksi dari semasa ke semasa.
- (l) Faedah Bonus tidak sah dengan apa-apa keistimewaan atau promosi lain yang berhubung dengan Akaun kecuali dinyatakan sebaliknya.

47.6.6

Kadar Faedah Berkesan

Kadar Faedah Berkesan ialah jumlah faedah kasar yang diperoleh daripada Faedah Asas dan Faedah Bonus berbanding Baki Purata Bulanan.

Berikut adalah beberapa ilustrasi mengenai pengiraan faedah untuk Faedah Asas dan Faedah Bonus:

- a) Senario A - Pelanggan A hanya memenuhi perbelanjaan kad sebanyak RM500. Pelanggan A memenuhi satu (1) Kriteria yang Layak dalam One Account untuk bulan tersebut.

Tarikh	Butiran Transaksi	Pengiraan Faedah
1 September	Pelanggan A mempunyai RM100,000 dalam One Account beliau	Kadar Faedah Asas = Jumlah hari untuk bulan yang dikira x Baki penghujung hari x Peringkat faedah asas ÷ 365 hari = [14 hari x RM100,000 + 16 hari x RM106,000] x 0.05% ÷ 365 hari = RM4.24
15 September	Pelanggan A mendepositkan RM6,000 ke dalam One Account beliau melalui Mesin Deposit Tunai UOB	Baki Purata Bulanan untuk September = [14 hari x RM100,000 + 16 hari x RM106,000] ÷ 30 hari = RM103,200 Kadar Faedah Bonus = Jumlah hari untuk bulan yang dikira x Baki Purata Bulanan x Peringkat Faedah Bonus ÷ 365 hari = [RM25,000 x 0.25% + RM25,000 x 0.40% + RM53,200 x 1.40%] ÷ 365 days x 30 days = RM74.57 Jumlah Faedah = RM4.24 + RM74.57 = RM78.81

- b) Senario B - Pelanggan B memenuhi perbelanjaan kad sebanyak RM500 dan melakukan Interbank GIRO sebanyak RM6,000. Pelanggan B memenuhi dua (2) Kriteria yang Layak dalam One Account untuk bulan tersebut.

Tarikh	Butiran Transaksi	Pengiraan Faedah
1 September	Pelanggan B mempunyai RM100,000 dalam One Account beliau	Kadar Faedah Asas = Jumlah hari untuk bulan yang dikira x Baki penghujung hari x Peringkat faedah asas ÷ 365 hari = [14 hari x RM100,000 + 16 hari x RM106,000] x 0.05% ÷ 365 hari = RM4.24
15 September	Pelanggan B mendepositkan RM6,000 ke dalam One Account beliau melalui Interbank GIRO	Baki Purata Bulanan untuk September = [14 hari x RM100,000 + 16 hari x RM106,000] ÷ 30 hari = RM103,200 Kadar Faedah Bonus = Jumlah hari untuk bulan yang dikira x Baki Purata Bulanan x Peringkat Faedah Bonus ÷ 365 hari = [RM25,000 x 1.45% + RM25,000 x 1.60% + RM50,000 x 5.60% + RM3,200 x 3.60%] ÷ 365 days x 30 days = RM302.28 Jumlah Faedah

		= RM4.24 + RM302.28 = RM306.52
--	--	-----------------------------------

47.6.7

Definisi

Bagi tujuan One Account, perkataan di bawah akan mempunyai makna seperti berikut:-

'Faedah Asas' bermakna faedah yang perlu dibayar ke atas Baki Penghujung Hari untuk One Account.

'Faedah Bonus' bermakna faedah yang perlu dibayar ke atas Baki Purata Penghujung Hari untuk One Account sehingga RM200,000 bagi sesuatu bulan tertentu, jika anda memenuhi syarat lebih khusus yang dinyatakan dalam Klausa 47.6.5(a) pada bulan tersebut.

'Baki Penghujung Hari' bermakna baki kredit dalam One Account pada penghujung setiap hari.

'Kad yang Layak' bermakna yang berikut:

- (a) Kad Kredit yang berikut yang dikeluarkan oleh kami kepada Pemegang Akaun utama One Account
 - i. UOB ONE Card
 - ii. UOB Lady's Card
 - iii. UOB EVOL Card
- (b) Mana-mana Kad Debit UOB, jika One Account ditetapkan sebagai akaun utama; dan
- (c) mana-mana Kad Kredit UOB Tambahan dalam perkara (a) i, ii dan iii di atas yang dikeluarkan oleh kami kepada pemegang Kad Kredit Tambahan dari Pemegang Akaun Utama One Account.

'Kad Kredit yang Dikaitkan' bermakna Kad Kredit yang ditetapkan oleh anda dan dikaitkan kepada One Account bagi tujuan menjalankan pengeluaran tunai daripada One Account di mana-mana ATM kami.

'Pelanggan Baru-ke-Deposit' bermakna pelanggan tanpa akaun Deposit utama dengan UOB selama dua puluh empat (24) bulan terakhir dari aplikasi baru.

'Perbelanjaan Runcit'

bermakna pembelian runcit tempatan dan antarabangsa secara dalam talian serta pembayaran berulang menggunakan Kad yang Layak tetapi tidak termasuk:

- (i) transaksi tunai separa (*quasi-cash*), iaitu, transaksi yang melibatkan pembayaran atau pemberian tunai seperti pertaruhan dan/atau transaksi perjudian;
- (ii) ansuran bulanan di bawah kemudahan pembayaran ansuran 0% yang disediakan oleh kami;
- (iii) fi tahunan atau caj perkhidmatan, bayaran tunai, fi penggantian kad, cukai barangan dan perkhidmatan, caj yang dipertikaikan, caj penipuan atau sebarang fi, caj atau penalti lain sama ada yang dikenakan oleh kami atau sebaliknya;
- (iv) pendahuluan tunai;
- (v) pengeluaran tunai;
- (vi) pemindahan baki;
- (vii) transaksi runcit yang telah dibatalkan, ditarik balik, dikembalikan atau tidak sah;
- (viii) apa-apa perbelanjaan kad debit yang tidak dikaitkan kepada One Account sebagai akaun utama; dan
- (ix) apa-apa perbelanjaan lain yang mungkin ditentukan oleh kami.

47.7 Akaun Stash

47.7.1 Kelayakan

- (a) Hanya individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibenarkan untuk membuka Akaun Stash.
- (b) Akaun Stash adalah akaun dalam denominasi Ringgit Malaysia. Tiada penyata fizikal untuk Akaun Stash akan dikeluarkan atau dihantar melalui pos. Hanya ePenyata bagi Akaun Stash akan dikeluarkan dan ini boleh didapati melalui Perbankan Internet Peribadi UOB atau UOB TMRW App.
- (c) Akaun Stash boleh dibuka secara tunggal atau bersama.
- (d) Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun Stash ialah Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500).

47.7.2 Manfaat

Anda boleh menikmati bayaran balik untuk fi pengeluaran tunai yang dikenakan sehingga empat (4) kali setiap bulan kalendar yang dilakukan melalui rangkaian ATM berkongsi MEPS di Malaysia (ATM yang dimiliki oleh bank ahli MEPS yang mengambil bahagian) dengan syarat anda mengekalkan Baki Purata Bulanan minimum sebanyak RM5,000 dalam Akaun Stash anda. Bayaran balik untuk fi pengeluaran tunai MEPS akan dikreditkan setiap bulan ke dalam Akaun Stash anda dalam tempoh enam puluh (60) hari dari akhir setiap bulan kalendar.

47.7.3 Faedah Asas

Faedah asas semasa ("Faedah Asas") akan dibayar ke atas Akaun Stash. Faedah Asas dikira pada penghujung setiap hari, berdasarkan setiap baki terakhir dalam Akaun Stash. Ia diakru setiap hari dan dikreditkan pada akhir setiap bulan kalendar. Faedah Asas dikira secara progresif (hanya menggunakan jumlah dalam peringkat yang bersamaan dan bukan keseluruhan baki) seperti yang dihuraikan di bawah:

$$\text{Baki Terakhir} \times \text{Peringkat Faedah Asas} \times \text{Jumlah Hari Sebenar untuk Bulan yang Dikira} \\ \text{Jumlah Hari Sebenar untuk Tahun}$$

47.7.4 Faedah Bonus

Sebagai tambahan kepada Faedah Asas, faedah bonus ("Faedah Bonus") akan dibayar ke atas Akaun Stash jika anda memenuhi syarat untuk Faedah Bonus, seperti mana yang mungkin ditentukan oleh kami. Jika syarat ini tidak dipenuhi untuk mana-mana bulan kalendar, anda tidak akan menerima apa-apa Faedah Bonus untuk bulan kalendar tersebut.

Faedah Bonus dikira secara progresif (hanya menggunakan jumlah dalam peringkat yang bersamaan dan bukan keseluruhan baki) seperti yang dihuraiakan di bawah:

$$\frac{\text{Baki Purata Bulanan} \times \text{Peringkat Faedah Bonus} \times \text{Jumlah Hari Sebenar untuk Bulan yang Dikira}}{\text{Jumlah Hari Sebenar untuk Tahun}}$$

Akaun Stash akan layak untuk Faedah Bonus bagi bulan kalendar jika:

- Baki Purata Bulanan minimum yang diperlukan dicapai dalam bulan kalendar tersebut; dan
- Baki Purata Bulanan untuk bulan kalendar tersebut adalah bersamaan dengan atau lebih daripada Baki Purata Bulanan untuk bulan kalendar sebelumnya.

Faedah Bonus dikira pada akhir bulan kalendar, berdasarkan Baki Purata Bulanan untuk bulan kalendar tersebut, dan dikreditkan pada awal bulan kalendar yang berikutnya.

47.7.5

Kadar Faedah Berkesan

- Kadar Faedah Berkesan ialah jumlah faedah kasar yang diperoleh daripada Faedah Asas dan Faedah Bonus berbanding Baki Purata Bulanan.
- Ilustrasi mengenai pengiraan faedah untuk Faedah Asas dan Faedah Bonus adalah seperti berikut:

Senario: Pelanggan mengekalkan baki sebanyak RM250,000 dalam Akaun Stash pada setiap masa untuk bulan Januari dan Baki Purata Bulanan adalah sama dengan Baki Purata Bulanan bulan sebelumnya.

Kadar Asas

Baki Akaun	Kadar Asas (setahun)*	Faedah Asas untuk 31 hari*
RM200,000	0.05%	$RM200,000 \times 0.05\% \times 31 \div 365 = RM8.49$
RM50,000	1.25%	$RM50,000 \times 1.25\% \times 31 \div 365 = RM53.08$
Jumlah Baki: RM250,000		Jumlah Faedah Asas (31 hari) = RM76.43

Faedah Bonus

Peringkat MAB	Kadar (setahun)*	Faedah Bonus untuk 31 hari*
RM25,000 yang pertama	0.00%	$RM25,000 \times 0.00\% \times 31 \div 365 = RM0.00$
RM25,000 yang berikutnya	0.65%	$RM25,000 \times 0.65\% \times 31 \div 365 = RM13.80$
RM50,000 yang berikutnya	2.15%	$RM50,000 \times 2.15\% \times 31 \div 365 = RM91.30$
RM100,000 yang berikutnya	2.80%	$RM100,000 \times 2.80\% \times 31 \div 365 = RM237.80$
Melebihi RM200,000	0.00%	$RM50,000 \times 0.00\% \times 31 \div 365 = RM0.00$
Jumlah Baki Purata Bulanan: RM250,000		Jumlah Faedah Bonus = RM342.90

* Kadar yang dipaparkan di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Untuk Faedah Asas dan Bonus yang terkini, sila rujuk kepada laman web rasmi kami di www.uob.com.my

- Kami mungkin dari semasa ke semasa, mengenakan had ke atas jumlah Baki Purata Bulanan yang akan memperoleh Faedah Bonus ("Had yang Dikenakan").
- Kadar Faedah Asas semasa, kadar Faedah Bonus, Baki Purata Bulanan minimum yang diperlukan dan Had yang Dikenakan boleh didapati di www.uob.com.my.
- Kami mungkin dari semasa ke semasa, menentukan dan mengubah kadar Faedah Asas; Kadar Faedah Bonus; Baki Purata Bulanan minimum yang diperlukan; Had yang Dikenakan; dan syarat untuk Faedah Bonus.
- Untuk menerima sebarang faedah, Akaun Stash mestilah sah, wujud dan dalam kedudukan yang baik pada setiap masa seperti yang ditentukan oleh kami.
- Jika anda menutup Akaun Stash anda sebelum apa-apa Faedah Bonus yang diperoleh dapat dikreditkan, Faedah Bonus yang diperoleh tersebut akan dibatalkan.
- Jika kami kemudiannya mendapati bahawa anda sebenarnya tidak layak untuk Faedah Bonus atau terdapat sebarang kesilapan atau kesalahan dalam pengiraan atau pengkreditan Faedah Bonus, kami boleh menolak untuk mengkreditkan Faedah Bonus atau untuk meminda, membetulkan atau menyelaraskan pengiraan Faedah Bonus, atau mendebitkan nilai Faedah Bonus, jika telah diberikan, daripada mana-mana Akaun anda. Jika wang yang terdapat dalam kredit Akaun anda tidak mencukupi untuk membayar balik kepada Bank nilai Faedah Bonus yang diberikan, anda perlu membayar balik nilai Faedah Bonus yang diberikan dengan serta-merta kepada kami.

47.8 Lady's Savings Account

47.8.1

Kelayakan

- Hanya wanita berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan berhak untuk membuka Lady's Savings Account.
- Lady's Savings Account hanya boleh dibuka secara tunggal. Setiap orang hanya dapat menyimpan satu (1) Lady's Savings Account pada bila-bila masa. Sekiranya kami menyedari bahawa anda menyimpan lebih dari satu (1) Lady's Savings Account, kami berhak menutup dan menghentikan sebarang Lady's Savings Account tambahan.
- Deposit permulaan minimum untuk membuka Lady's Savings Account ialah Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500).

47.8.2

Benefit

Anda boleh menikmati bayaran balik untuk fi pengeluaran tunai yang dikenakan sehingga empat (4) kali setiap bulan kalendar yang dilakukan melalui rangkaian ATM berkongsi MEPS di Malaysia (ATM yang dimiliki oleh bank ahli MEPS yang mengambil bahagian) dengan syarat anda mengekalkan Baki Purata Bulanan minimum sebanyak RM5,000 dalam Lady's Savings Account anda. Bayaran

balik untuk fi pengeluaran tunai MEPS akan dikreditkan setiap bulan ke dalam Lady's Savings Account anda dalam tempoh enam puluh (60) hari dari akhir setiap bulan kalendar.

47.8.3

Faedah yang dibayar oleh kami kepada anda

Faedah akan dibayar pada Baki Terakhir dalam Lady's Savings Account dengan kadar faedah yang ada atau kadar lain yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa. Kadar faedah dikira setiap hari dan dikreditkan ke dalam Lady's Savings Account pada setiap akhir bulan kalendar.

Faedah dikira secara progresif (hanya menggunakan jumlah dalam peringkat yang bersamaan dan bukan keseluruhan baki) seperti yang dihuraikan di bawah:

$$\frac{\text{Baki Terakhir} \times \text{Peringkat Faedah} \times \text{Jumlah Hari Sebenar untuk Bulan yang Dikira}}{\text{Jumlah Hari Sebenar untuk Tahun}}$$

Ilustrasi mengenai pengiraan faedah adalah seperti berikut:

Senario: Pelanggan mengekalkan baki sebanyak RM150,000 dalam Lady's Savings Account pada setiap masa untuk bulan Januari. Pelanggan akan memperoleh faedah pada kadar 0.25% setahun untuk RM100,000 pertama dan faedah 0.75% setahun untuk baki yang tinggal. Perincian pengiraan adalah seperti pada jadual di bawah:-

Baki Akaun	Kadar Faedah* (setahun)	Kadar 31 hari
RM100,000 Pertama	0.25%	$RM100,000 \times 0.25\% \times 31 \div 365 = RM21.23$
Melebihi RM100,000	0.75%	$RM50,000 \times 0.75\% \times 31 \div 365 = RM31.84$
Jumlah Baki: RM150,000		Jumlah Faedah (31 hari) = RM53.07

*Kadar faedah yang ditunjukkan di atas hanya untuk tujuan ilustrasi. Untuk kadar faedah terkini, sila rujuk laman web rasmi kami di www.uob.com.my.

47.8.4

Group Lady's Cancer Plan Tanpa Caj ("Lady's Cancer")

- (a) Akaun Simpanan Pemegang Lady's Savings Account berhak mendapat liputan tanpa caj, seperti ditaja jamin oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN"). Lady's Cancer ialah skim takaful berkelompok berjangka yang mematuhi Syariah, yang menyediakan manfaat sekaligus sekiranya berlaku kematian atau sekiranya Ahli yang Dilindungi didiagnosis dengan kanser wanita yang dilindungi. Pelan ini juga merangkumi Manfaat Kematian Akibat Kemalangan ("GADB") tambahan sepanjang tempoh perlindungan.
- (b) Jumlah Manfaat Group Crisis Protector dan Manfaat Kematian dikira berdasarkan Baki Purata Bulanan ("MAB") pada bulan yang sebelumnya seperti jadual di bawah:

Manfaat untuk setiap Orang yang Dilindungi ¹	Baki Purata Bulanan Lady's Saving Account			
	Sehingga RM10,000	Sehingga RM50,000	Sehingga RM100,000	Melebihi RM100,000
	Jumlah Yang Dilindungi			
Group Crisis Protector (GCP): Kanser Wanita ²	RM1,000	RM20,000	RM100,000	RM200,000
Manfaat Kematian	RM100	RM2,000	RM10,000	RM20,000
GADB	RM200	RM4,000	RM20,000	RM40,000

Nota:

¹Jumlah perlindungan mungkin berbeza bergantung kepada Baki Purata Bulanan (MAB) dalam Lady's Savings Account.

²Berikut ialah senarai kanser wanita yang dilindungi di bawah GCP:

- Kanser Payudara
- Kanser Serviks Uteri
- Kanser Rahim
- Kanser Tiub Fallopio
- Kanser Ovari
- Kanser Vulva / Faraj

- (c) MAB minimum RM20.00 mesti disimpan dalam akaun agar berhak mendapat liputan Lady's Cancer.
- (d) Sekiranya Pemegang Akaun telah menuntut untuk Manfaat GCP, Pemegang Akaun tidak lagi berhak mendapat perlindungan Manfaat Kematian.
- (e) Untuk mengelakkan keraguan, jumlah GCP dan GADB adalah tidak terkumpul.

Ilustrasi: -

Jadual di bawah menunjukkan Jumlah Perlindungan bagi Pelanggan A, sekiranya berlaku diagnosis kanser wanita atau kematian akibat kemalangan, berdasarkan MAB pada bulan sebelumnya: -

Baki Purata Bulanan untuk Bulan untuk Pelanggan A	Baki Purata Bulanan	Jumlah GCP yang Dilindungi	Jumlah GADB yang Dilindungi	Jumlah yang Dilindungi untuk Bulan
Januari	RM1,000	RM1,000	RM200	Februari
Februari	RM30,000	RM20,000	RM4,000	Mac
Mac	RM250,000	RM200,000	RM40,000	April

April	RM300	RM1,000	RM200	Mei
-------	-------	---------	-------	-----

- (f) Liputan Lady's Cancer hanya akan tertakluk kepada umur Pemegang Akaun yang berusia minimum 19 tahun pada hari lahir berikutnya dan sehingga maksimum 61 tahun pada hari lahir berikutnya. Liputan Lady's Cancer akan berhenti sebaik sahaja Pemegang Akaun mencapai usia 62 tahun pada hari lahir berikutnya atau apabila Pemegang Akaun tidak lagi mempunyai Lady's Savings Account dengan UOB, yang mana lebih awal.
- (g) Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya Pemegang Akaun berjaya membuat tuntutan di bawah Lady's Cancer dari mana-mana Akaun dan kemudian menutup dan membuka semula Akaun baru, liputan Lady's Cancer tidak layak untuk Pemegang Akaun untuk Akaun baru.
- (h) Pemegang Akaun hanya berhak mendapat perlindungan Lady's Cancer setelah tiga puluh (30) hari dari tarikh pembukaan Lady's Savings Account dan sebarang tuntutan untuk liputan Lady's Cancer mesti dibuat dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh diagnosis / kematian.
- (i) Tempoh kelangsungan hidup di bawah Lady's Cancer adalah 7 hari dari tarikh diagnosis Kanser Wanita yang dilindungi sebelum tuntutan yang sah dibuat.
- (j) Liputan Lady's Cancer juga tertakluk pada terma dan syarat Ringkasan Sijil Induk Pelan Group Lady's Cancer di www.prubsn.com.my ("PruBSN's T&C").
- (k) Sekiranya terdapat perbezaan dalam Syarat ini dan PruBSN's T&C, PruBSN's T&C akan diguna pakai untuk tujuan Lady's Cancer.

47.8.5

Manfaat Pemeriksaan Kesihatan

- (a) Pemegang Akaun juga berhak mendapat manfaat pemeriksaan kesihatan tahunan, di mana terma dan syarat berkaitan dengan faedah tersebut boleh didapati di www.uob.com.my.
- (b) Untuk mendapat Manfaat Pemeriksaan Kesihatan, Pemegang Akaun mesti mengekalkan minimum MAB 6 bulan yang lalu berjumlah melebihi RM30,000. Tempoh pengiraan MAB 6 bulan adalah antara bulan Januari hingga Jun dan Julai hingga Disember pada tahun kalendar yang sama.
- (c) Manfaat Pemeriksaan Kesihatan boleh ditebus sekali (1) dalam satu tahun kalendar. Pemegang Akaun yang memenuhi syarat yang memenuhi kriteria yang ditetapkan diminta untuk mendaftarkan penebusan mereka melalui sistem pesanan ringkas ("SMS") dalam satu (1) minggu setelah menerima SMS dari kami. Setelah berjaya mendaftar, Pemegang Akaun akan menerima e-baucar yang boleh ditebus di kedai penyedia pemeriksaan kesihatan yang boleh didapati di www.uob.com.my.

47.8.6

Definisi

Untuk tujuan Lady's Savings Account, kata-kata di bawah ini mempunyai makna berikut: -

"Baki Harian Penghujung Hari" bermaksud baki kredit dalam Lady's Savings Account pada hujung setiap hari;

"Tempoh perlindungan" merujuk kepada pelan yang diperbaharui secara bulanan sehingga Pemegang Akaun mencapai umur enam puluh Dua (62) tahun (umur pada hari lahir berikutnya) atau sehingga Lady Savings Account ditutup, yang mana berlaku terlebih dahulu.

"Manfaat Kematian" Sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh apa-apa sebab sebelum umur enam puluh dua (62) semasa Sijil ini masih berkuat kuasa, satu bayaran sekaligus (daripada dana *Tabarru'*) akan dibayar, dimana bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada Jumlah yang Dilindungi dan Sijil ini akan dibatalkan.

"GADB" merujuk kepada Group Accidental Death Benefit dan jumlah perlindungan akan dibayar sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian sekiranya kemalangan berlaku Ketika menggunakan pengangkutan awam, lif, atau berlaku dalam kebakaran di teater, hotel atau bangunan awam lain.

48. Akaun Semasa

48.1 Akaun Privilege

48.1.1

Kelayakan

- (a) Hanya individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibenarkan untuk membuka Akaun Privilege.
- (b) Akaun Privilege boleh dibuka secara tunggal atau bersama oleh pelanggan Perbankan Privilege. Akaun Privilege tidak boleh ditetapkan sebagai akaun amanah.
- (c) Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun Privilege ialah Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000).

48.1.2

Faedah untuk Akaun Privilege

Faedah akan dibayar ke atas baki kredit yang melebihi jumlah deposit minimum dalam Akaun Privilege pada akhir setiap Hari, pada kadar yang ditentukan berdasarkan Aset Di Bawah Pengurusan atau pada kadar lain sedemikian seperti yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa dan dalam Ringgit Malaysia. Faedah akan dikreditkan ke dalam Akaun Privilege pada akhir setiap bulan. Untuk mengelakkan keraguan, tiada faedah akan dibayar jika baki kredit dalam Akaun Privilege tidak memenuhi jumlah deposit minimum.

48.1.3

Aset Di Bawah Pengurusan ("AUM")

- (a) Semua pengiraan untuk AUM berhubung dengan Akaun Privilege akan dilaksanakan dan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia. Jika apa-apa baki atau nilai yang akan digunakan dalam sebarang pengiraan sedemikian adalah dalam mata wang selain Ringgit Malaysia, kami akan menukarkan, bagi tujuan pengiraan tersebut sahaja, baki atau nilai sedemikian daripada mata wang lain tersebut kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran sedemikian seperti yang ditentukan oleh kami.
- (b) Semua penentuan bagi Aset Di Bawah Pengurusan oleh kami akan dijalankan dengan cara sedemikian dan mengambil kira maklumat sedemikian seperti yang kami tentukan atau menganggap sesuai. Semua penentuan sedemikian berhubung dengan mana-mana Akaun Privilege adalah, jika tidak terdapat kesilapan nyata, muktamad, konklusif dan akan mengikat anda. Kami berhak untuk membetulkan apa-apa kesilapan dalam sebarang penentuan yang kami anggap sesuai.
- (c) Produk berikut termasuk dalam pengiraan AUM, tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa:

Akaun Simpanan	Akaun Semasa
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Akaun Saving Plus ▪ Akaun Simpanan Buku Simpanan ▪ Akaun InvestPro ▪ Akaun FunSavers 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ i-Account ▪ Akaun Privilege ▪ Akaun Semasa Asas

<ul style="list-style-type: none"> Akaun Simpanan Asas Lady's Savings Account 	
Deposit Tetap	Akaun Mata Wang Asing
<ul style="list-style-type: none"> Deposit tetap termasuk 12 bulan ke atas dan termasuk Deposit Tetap yang bersih dan dicagarkan. FD Plus 	<ul style="list-style-type: none"> Akaun Premium Mata Wang Global Akaun Panggilan Mata Wang Asing Deposit Masa Mata Wang Asing
Unit Amanah	Pelaburan Structured
Semua produk unit amanah yang diluluskan	<ul style="list-style-type: none"> Akaun Pelaburan SILK – contoh SILK 23, SILK 24 Akaun Pelaburan SRA – contoh Series 1, Series 2 Akaun Pelaburan CRA – contoh CRA1, CRA2 Akaun Pelaburan LIFT – contoh LIFT 6, LIFT 7
Pendapatan Tetap	Pelaburan Structured Jangka Pendek
<ul style="list-style-type: none"> Bon Runcit 	<ul style="list-style-type: none"> Pelaburan Dwi Mata Wang

(d) Produk berikut tidak termasuk dalam pengiraan AUM, tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa:

Produk Deposit Konvensional	Produk Deposit Islamik
<ul style="list-style-type: none"> Akaun Wealth Premium Akaun Stash One Account 	<ul style="list-style-type: none"> Semua produk deposit Islamik Akaun Simpanan Asas-i Akaun Semasa Asas-i Akaun ProSave -i Deposit Tetap Islamik-i FD Plus-i Akaun Panggilan Mata Wang Asing-i
Gadai Janji	Produk Bankasurans
<ul style="list-style-type: none"> Pinjaman Runcit iNTELLIGENT Pinjaman Perumahan iNTELLIGENT iHL Premier UOB Overdraf 	<ul style="list-style-type: none"> Semua produk Bankasurans yang diluluskan Produk premium tunggal
Pelaburan Structured Jangka Pendek	
<ul style="list-style-type: none"> ELI (Equity Linked Investments) KIKO (Knock In Knock Out) Produk ACE Series 	

48.1.4

Akaun yang Layak

Tertakluk kepada sebarang kriteria kelayakan tambahan yang kami mungkin tetapkan dari semasa ke semasa, Akaun yang Layak mesti memenuhi kriteria berikut:-

- Akaun yang Layak dengan Pemegang Akaun yang sama dikaitkan kepada Akaun Privilege;
- pilihan anda untuk mengaitkan dan tidak mengaitkan Akaun yang Layak kepada Akaun Privilege;
- akaun tidak boleh dijadikan akaun amanah;
- akaun tidak boleh dikaitkan kepada mana-mana Akaun Wealth Premium atau mana-mana Akaun Privilege lain; dan
- akaun tanpa Pemegang Akaun yang sama tidak boleh dikaitkan kepada Akaun Privilege.

Sesuatu akaun akan berhenti menjadi Akaun yang Layak dengan serta-merta jika:-

- Akaun yang Layak atau Akaun Privilege ditutup;
- Akaun yang Layak berhenti mematuhi sebarang kriteria yang dinyatakan di atas untuk apa-apa sebab sekalipun; atau
- anda tidak lagi mengaitkan akaun kepada Akaun Privilege.

Walau apa pun peruntukan dalam Terma ini, kami mungkin dari semasa ke semasa menentukan:-

- jenis akaun yang mungkin dinyatakan sebagai Akaun yang Layak; atau
- bahawa sesuatu akaun tidak lagi merupakan Akaun yang Layak dengan memberikan anda notis terlebih dahulu;

tanpa memberi apa-apa sebab.

48.1.5

Penyata Akaun yang Digabungkan

Penyata Akaun Privilege akan dihantar kepada anda setiap bulan atau pada dasar tempoh berkala lain dan akan mengandungi maklumat yang berhubung dengan Akaun Privilege serta maklumat sedemikian yang kami anggap sesuai berhubung dengan Akaun yang Layak yang dikaitkan kepadanya.

48.1.6

Definisi

Bagi tujuan Akaun Privilege, perkataan di bawah akan mempunyai makna seperti berikut:-

- "Aset Di Bawah Pengurusan" atau "AUM" bermakna baki kredit purata harian yang diagregatkan bagi Akaun Privilege dan semua Akaun yang Layak yang dikaitkan kepadanya ditolak apa-apa Jumlah yang Didahulukan. Kami akan menentukan AUM mengikut cara dan berdasarkan maklumat yang kami anggap sesuai;
- "Akaun yang Layak" bermakna akaun yang dikekalkan dengan kami yang termasuk dalam sebarang kategori akaun yang kami mungkin dari semasa ke semasa nyatakan sebagai layak untuk dipertimbangkan dalam pengiraan AUM.

48.2 Akaun Wealth Premium

48.2.1

Kelayakan

- Hanya individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibenarkan untuk membuka Akaun Wealth Premium.

- (b) Akaun Wealth Premium boleh dibuka secara tunggal atau bersama oleh pelanggan Perbankan Wealth. Akaun Wealth Premium tidak boleh ditetapkan sebagai akaun amanah.
- (c) Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun Wealth Premium ialah Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000).

48.2.2

Faedah untuk Akaun Wealth Premium

Faedah akan dibayar ke atas baki kredit yang melebihi jumlah deposit minimum dalam Akaun Wealth Premium pada akhir setiap Hari, pada kadar yang ditentukan berdasarkan Aset Di Bawah Pengurusan atau pada kadar lain sedemikian seperti yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa dan dalam Ringgit Malaysia. Faedah akan dikreditkan ke dalam Akaun Wealth Premium pada akhir setiap bulan. Untuk mengelakkan keraguan, tiada faedah akan dibayar jika baki kredit dalam Akaun Wealth Premium tidak memenuhi jumlah deposit minimum.

48.2.3

Aset Di Bawah Pengurusan ("AUM")

- (a) Semua pengiraan untuk AUM berhubung dengan Akaun Wealth Premium akan dilaksanakan dan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia. Jika apa-apa baki atau nilai yang akan digunakan dalam sebarang pengiraan sedemikian adalah dalam mata wang selain Ringgit Malaysia, kami akan menukarkan, bagi tujuan pengiraan tersebut sahaja, baki atau nilai sedemikian daripada mata wang lain tersebut kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran sedemikian seperti yang ditentukan oleh kami.
- (b) Semua penentuan bagi Aset Di Bawah Pengurusan oleh kami akan dijalankan dengan cara sedemikian dan mengambil kira maklumat sedemikian seperti yang kami tentukan. Semua penentuan sedemikian berhubung dengan mana-mana Akaun Wealth Premium adalah, jika tidak terdapat kesilapan nyata, muktamad, konklusif dan akan mengikat anda. Kami berhak untuk membetulkan apa-apa kesilapan dalam sebarang penentuan yang kami anggap sesuai.
- (c) Produk berikut termasuk dalam pengiraan AUM, tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa:

Akaun Simpanan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Akaun Saving Plus ▪ Akaun Simpanan Buku Simpanan ▪ Akaun InvestPro ▪ Akaun FunSavers ▪ Akaun Simpanan Asas ▪ Lady's Savings Account 	Akaun Semasa <ul style="list-style-type: none"> ▪ i-Account ▪ Akaun Wealth Premium ▪ Akaun Semasa Asas
Deposit Tetap <ul style="list-style-type: none"> ▪ Deposit tetap termasuk 12 bulan ke atas dan termasuk Deposit Tetap yang bersih dan dicagarkan. ▪ FD Plus 	Akaun Mata Wang Asing <ul style="list-style-type: none"> ▪ Akaun Panggilan Mata Wang Asing ▪ Deposit Masa Mata Wang Asing
Unit Amanah Semua produk unit amanah yang diluluskan	Pelaburan Structured <ul style="list-style-type: none"> ▪ Akaun Pelaburan SILK – contoh SILK 23, SILK 24 ▪ Akaun Pelaburan SRA – contoh Series 1, Series 2 ▪ Akaun Pelaburan CRA – contoh CRA1, CRA2 ▪ Akaun Pelaburan LIFT – contoh LIFT 6, LIFT 7
Pendapatan Tetap <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bon Runcit 	Pelaburan Structured Jangka Pendek <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelaburan Dwi Mata Wang

- (d) Produk berikut tidak termasuk dalam pengiraan AUM, tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa:

Produk Deposit Konvensional <ul style="list-style-type: none"> ▪ Akaun Privilege ▪ Akaun Stash ▪ One Account 	Produk Deposit Islamik <ul style="list-style-type: none"> ▪ Semua produk deposit Islamik ▪ Akaun Simpanan Asas-i ▪ Akaun Semasa Asas-i ▪ Akaun ProSave -i ▪ Deposit Tetap Islamik-i ▪ FD Plus-i ▪ Akaun Panggilan Mata Wang Asing-i
Gadai Janji <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pinjaman Runcit iNTELLIGENT ▪ Pinjaman Perumahan iNTELLIGENT ▪ iHL Premier UOB ▪ Overdraif 	Produk Bankasurans <ul style="list-style-type: none"> ▪ Semua produk Bankasurans yang diluluskan ▪ Produk premium tunggal
Pelaburan Structured Jangka Pendek <ul style="list-style-type: none"> ▪ ELI (Equity Linked Investments) ▪ KIKO (Knock In Knock Out) ▪ Produk ACE Series 	

48.2.4

Akaun yang Layak

Tertakluk kepada sebarang kriteria kelayakan tambahan yang kami mungkin tetapkan dari semasa ke semasa, Akaun yang Layak mesti memenuhi kriteria berikut:-

- (a) Akaun yang Layak dengan Pemegang Akaun yang sama dikaitkan kepada Akaun Wealth Premium;
- (b) pilihan anda untuk mengaitkan dan tidak mengaitkan Akaun yang Layak kepada Akaun Wealth Premium;
- (c) akaun tidak boleh dijadikan akaun amanah;
- (d) akaun tidak boleh dikaitkan kepada mana-mana Akaun Privilege atau mana-mana Akaun Wealth Premium lain; dan
- (e) akaun tanpa Pemegang Akaun yang sama tidak boleh dikaitkan kepada Akaun Wealth Premium.

Sesuatu akaun akan berhenti menjadi Akaun yang Layak dengan serta-merta jika:-

- (a) Akaun yang Layak atau Akaun Wealth Premium ditutup;
- (b) Akaun yang Layak berhenti mematuhi sebarang kriteria yang dinyatakan di atas untuk apa-apa sebab sekalipun; atau

- (c) anda tidak lagi mengaitkan akaun kepada Akaun Wealth Premium.

Walau apa pun peruntukan dalam Terma ini, kami mungkin dari semasa ke semasa menentukan:-

- (a) jenis akaun yang mungkin dinyatakan sebagai Akaun yang Layak; atau
 (b) bahawa sesuatu akaun tidak lagi merupakan Akaun yang Layak dengan memberikan anda notis terlebih dahulu; tanpa memberi apa-apa sebab.

48.2.5 **Penyata Akaun yang Digabungkan**

Penyata Akaun Wealth Premium akan dihantar kepada anda setiap bulan atau pada dasar tempoh berkala lain dan akan mengandungi maklumat yang berhubung dengan Akaun Wealth Premium serta maklumat sedemikian yang kami anggap sesuai berhubung dengan Akaun yang Layak yang dikaitkan kepadanya.

48.2.6 **Definisi**

Bagi tujuan Akaun Wealth Premium, perkataan di bawah akan mempunyai makna seperti berikut:-

- (a) "Aset Di Bawah Pengurusan" atau "AUM" bermakna baki kredit purata harian yang diagregatkan bagi Akaun Wealth Premium dan semua Akaun yang Layak yang dikaitkan kepadanya. Kami akan menentukan AUM mengikut cara dan berdasarkan maklumat yang kami anggap sesuai;
 (b) "Akaun yang Layak" bermakna akaun yang dikekalkan dengan kami yang termasuk dalam sebarang kategori akaun yang kami mungkin dari semasa ke semasa nyatakan sebagai layak untuk dipertimbangkan dalam pengiraan AUM.

48.3 **Akaun Semasa Asas**

- (a) Hanya warganegara Malaysia atau pemastautin
- Individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas
 - Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun Semasa Asas ialah Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500).
 - Akaun boleh dibuka secara individu atau bersama.
- (b) **Kelayakan (Untuk akaun yang dibuka pada atau selepas 1 April 2026)**
 Hanya untuk warganegara Malaysia atau pemastautin tetap yang memenuhi mana-mana kriteria berikut layak untuk membuka Akaun Semasa Asas.
- Individu berumur enam puluh (60) tahun dan ke atas.
 - Individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas yang tergolong di bawah mana-mana kategori berikut:
 - (i) Orang kurang upaya;
 - (ii) Individu tanpa pendapatan atau yang tergolong dalam kategori berpendapatan rendah;
 - (iii) Individu yang tidak mahir digital atau yang tinggal di kawasan dengan sambungan internet yang lemah; atau
 - (iv) Pelajar sepenuh masa.
 - Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun Semasa Asas ialah Ringgit Malaysia seratus (RM100).
 - Akaun boleh dibuka secara individu atau bersama. Bagi akaun bersama, semua pemegang akaun mesti memenuhi kriteria kelayakan.
- (c) Bank akan menyediakan penyata akaun bulanan.
 (d) Tiada kemudahan overdraf disediakan.
 (e) Akaun Semasa Asas adalah akaun cek tanpa faedah.
 (f) Caj sebanyak RM10 akan dikenakan bagi setiap setengah tahun ke atas Akaun Semasa Asas dengan baki purata kurang daripada RM1,000 dalam tempoh setengah tahun tersebut. Caj sedemikian akan ditolak daripada Akaun Semasa Asas.
 (g) Definisi:
 (i) "**Orang Kurang Upaya**" merujuk kepada individu yang mempunyai dokumentasi ketidakupayaan yang sah (daripada doktor atau pakar yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia), kad Orang Kurang Upaya (OKU) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Malaysia, atau individu yang mengisytiharkan status ketidakupayaan melalui borang Bank.
 (ii) "**Individu tanpa pendapatan atau yang tergolong dalam kategori berpendapatan rendah**" merujuk kepada individu yang diklasifikasikan sebagai berpendapatan rendah berdasarkan penanda aras yang berwibawa, seperti laporan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, tertakluk kepada semakan berkala oleh Bank.
 (iii) "**Individu yang tidak mahir digital atau yang tinggal di kawasan dengan sambungan internet yang lemah**" merujuk kepada individu yang mempunyai tahap keupayaan digital yang rendah atau akses yang terhad kepada sambungan internet yang boleh dipercayai.

48.4 **i-Account**

- (a) Hanya individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibenarkan untuk membuka i-Account.
 (b) i-Account boleh dibuka secara tunggal atau bersama.
 (c) Deposit permulaan minimum untuk membuka i-Account ialah Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000).

Faedah

Faedah pada kadar semasa kami akan dibayar ke atas jumlah melebihi RM2,000 (untuk warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia) dan RM5,000 (untuk pemastautin bukan Malaysia), atau sebarang jumlah yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa, berdasarkan baki terakhir setiap hari dalam i-Account. Faedah sedemikian akan dikreditkan ke dalam i-Account pada akhir setiap bulan. Pada penutupan i-Account, faedah sehingga tarikh penutupan sebelumnya akan dibayar ke dalam i-Account.

49 **Akaun Deposit Tetap**

49.1 **Akaun Deposit Tetap / Akaun FD Plus (secara kolektif dikenali sebagai "Akaun Deposit Tetap")**

Kelayakan

- (a) Hanya individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibenarkan untuk membuka Akaun Deposit Tetap.
 (b) Bagi kanak-kanak bawah umur lapan belas (18) tahun, Akaun Deposit Tetap mesti dibuka bersama ibu bapa atau penjaga yang sah yang mesti merupakan pemegang Akaun utama.

Deposit

- (a) Kami akan menentukan jumlah minimum yang diperlukan untuk setiap penempatan Deposit Tetap ke dalam Akaun Deposit Tetap. Setiap deposit mestilah dalam tempoh minimum dan maksimum yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa, pada kadar faedah yang kami tentukan untuk Deposit Tetap.
- (b) Makluman Pengesahan akan dikeluarkan kepada anda untuk setiap deposit yang dimasukkan. Makluman Pengesahan ini merupakan pengesahan penempatan sesuatu deposit ke dalam Akaun Deposit Tetap dan bukan suatu dokumen hak milik.
- (c) Pengeluaran Makluman Pengesahan yang asal tidak membuktikan bahawa Deposit Tetap masih wujud, dan dengan sendirinya tidak boleh dianggap sebagai bukti yang mencukupi untuk membantah apa-apa rekod dalam sistem kami yang menunjukkan bahawa Deposit Tetap telah ditarik balik.
- (d) Kami akan memperbaharui Deposit Tetap secara automatik pada tarikh matang (berdasarkan arahan sedia ada mengenai tempoh dan cara melupuskan faedah, pada kadar faedah semasa sewaktu pembaharuan) melainkan jika anda mengarahkan yang sebaliknya. Walau bagaimanapun, kami tidak diwajibkan untuk berbuat demikian.

Pengeluaran

- (a) Deposit Tetap boleh dikeluarkan sebelum tarikh matang ("Pengeluaran Pramatang") tertakluk kepada persetujuan kami. Dalam membenarkan pengeluaran awal, kami boleh mengenakan syarat sedemikian termasuk membatalkan sebarang faedah yang perlu dibayar oleh kami kepada anda di bawah penempatan Deposit Tetap.
- (b) Untuk sebarang Pengeluaran Pramatang daripada Deposit Tetap, faedah terakru ke atas Deposit Tetap tidak akan dibayar kepada anda. Sekiranya sebarang faedah telah dikreditkan ke dalam Akaun yang Dinamakan atau Akaun Deposit Tetap anda sebelum Pengeluaran Pramatang, faedah tersebut akan ditolak daripada jumlah Deposit Tetap utama sebelum baki dipulangkan kepada anda.
- (c) Sekiranya berlaku Pengeluaran Pramatang untuk mana-mana Deposit Tetap dalam Akaun FD Plus:-
 - (i) sebarang faedah terakru dalam Akaun FD Plus akan dibatalkan; dan
 - (ii) sebarang faedah yang dikreditkan dalam Akaun yang Dinamakan anda sebelum Pengeluaran Pramatang akan ditolak daripada jumlah Deposit Tetap utama sebelum baki dipulangkan kepada anda.
- (d) Anda boleh melakukan pengeluaran separa untuk jumlah yang bersamaan dengan gandaan RM1,000 atau jumlah lain sedemikian seperti yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa. Sebarang pengeluaran sedemikian daripada Akaun Deposit Tetap akan dilaksanakan oleh anda sendiri di mana-mana cawangan kami dan adalah tertakluk kepada syarat sedemikian yang dikenakan oleh kami, termasuk penalti ke atas semua faedah terakru yang perlu dibayar oleh kami kepada anda berkenaan dengan jumlah pengeluaran separa tersebut.
- (e) Sebarang arahan yang berhubung dengan pengeluaran daripada Akaun Deposit Tetap mesti mempunyai tandatangan anda, atau melalui cara elektronik sedemikian yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa. Apa-apa bayaran yang dilakukan oleh kami menurut sebarang arahan yang dikatakan telah ditandatangani oleh anda atau melalui cara elektronik sedemikian akan dianggap sebagai telah dilakukan sewajarnya mengikut kebenaran anda dan kami akan dilepaskan dan dibebaskan daripada sebarang liabiliti kepada anda atau kepada mana-mana pihak lain berkenaan arahan sedemikian.
- (f) Kami mungkin memerlukan anda untuk mengemukakan kad pengenalan atau pasport anda (atau apa-apa cara pengenalan lain yang boleh diterima oleh kami) untuk sebarang pengeluaran daripada Akaun Deposit Tetap.

Faedah

- (a) Faedah atas Deposit Tetap adalah pada kadar yang kami tentukan pada waktu penempatan atau pembaharuan (yang mana berkenaan) ("Kadar Faedah Berkontrak"). Kadar faedah sedemikian boleh didapati di mana-mana cawangan di mana Akaun Deposit Tetap dikekalkan.
- (b) Bank berhak untuk menentukan faedah Deposit Tetap pada masa penempatan atau pembaharuan Deposit Tetap ditempatkan oleh individu bukan pemastautin, tanpa mengira jumlah penempatan; dan warganegara Malaysia atau pemastautin tetap dengan agregat penempatan Deposit Tetap melebihi RM1 Juta, di mana kadar tersebut mungkin lebih rendah daripada kadar semasa kami yang ada.
- (c) Kami akan mengira faedah yang perlu dibayar ke atas mana-mana Deposit Tetap pada Kadar Faedah Berkontrak berdasarkan bilangan hari sebenar ia didepositkan ke dalam Akaun Deposit Tetap, termasuk tarikh penempatan tetapi tidak termasuk tarikh matang, dengan syarat bahawa ia dikekalkan dalam Akaun Deposit Tetap bagi tempoh penempatan penuh. Formula untuk pengiraan faedah adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Prinsipal} \times \text{Kadar Faedah Berkontrak} \times \text{Jumlah Hari}}{\text{Jumlah hari dalam tahun kalendar}}$$

Nota: bilangan hari asas dalam satu tahun kalendar mungkin berbeza bergantung pada mata wang

- (d) Untuk Deposit Tetap dengan tempoh penempatan 12 bulan dan ke bawah (kecuali Deposit Tetap yang dimasukkan dalam Akaun FD Plus), faedah akan dibayar pada kematangan Deposit Tetap masing-masing.
- (e) Faedah yang perlu dibayar ke atas Deposit Tetap yang dimasukkan dalam Akaun FD Plus akan terakru kepada Akaun FD Plus tersebut dan akan dikreditkan ke dalam Akaun yang Dinamakan pada setiap bulan.
- (f) Untuk Deposit Tetap dengan tempoh penempatan lebih daripada 12 bulan, faedah akan dibayar setiap enam (6) bulan dari tarikh penempatan atau tarikh pembaharuan (yang mana berkenaan). Sekiranya Deposit Tetap matang sebelum tempoh pembayaran faedah akhir sedemikian, pembayaran faedah akhir akan dibayar pada tarikh matang Deposit Tetap tersebut.
- (g) Sekiranya tarikh matang Akaun Deposit Tetap jatuh pada Sabtu (hujung minggu), hari kelepasan am atau hari bukan perniagaan, tarikh matang akan dibetulkan dengan hari perniagaan berikutnya. Faedah akan dibayar pada tarikh matang yang dibetulkan.

Definisi

Bagi tujuan Akaun Deposit Tetap, perkataan di bawah akan mempunyai makna seperti berikut:-

- (a) "Deposit Tetap" bermakna deposit yang dimasukkan ke dalam Akaun Deposit Tetap;
- (b) "Akaun yang Dinamakan" bermakna akaun semasa atau simpanan yang dikekalkan dengan kami dan ditetapkan oleh anda untuk faedah yang perlu dibayar ke atas Deposit Tetap dalam Akaun FD Plus untuk dikreditkan.

49.2 Akaun Deposit Berasaskan Masa

Kelayakan

Hanya individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibenarkan untuk membuka Akaun Deposit Berasaskan Masa.

Deposit

- Anda boleh memindahkan dana dalam gandaan RM5,000.00 atau gandaan lain sedemikian yang mungkin ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa, daripada Akaun ke Akaun Deposit Berasaskan Masa melalui ATM atau di kaunter Cawangan atau saluran alternatif sedemikian yang mungkin dibenarkan oleh kami dari semasa ke semasa.
- Semua jumlah yang didepositkan dalam Akaun Deposit Berasaskan Masa akan ditempatkan pada tempoh tiga (3) bulan, atau tempoh lain sedemikian seperti yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa.
- Makluman Pengesahan akan dikeluarkan kepada anda untuk setiap deposit yang dimasukkan. Makluman Pengesahan ini merupakan pengesahan penempatan sesuatu deposit ke dalam Akaun Deposit Tetap dan bukan suatu dokumen hak milik.

Pengeluaran

- Walau apa pun peruntukan yang berikutnya, anda hanya dibenarkan mengeluarkan sebarang jumlah yang tidak diperuntukkan untuk Jumlah yang Didahulukan dan sebarang pengeluaran sedemikian akan dibenarkan dengan syarat baki minimum sebanyak RM5,000 dikekalkan dalam Akaun Deposit Berasaskan Masa.
- Anda boleh mengeluarkan keseluruhan jumlah yang dinyatakan di kaunter mana-mana cawangan kami, ATM, perkhidmatan Perbankan Telefon UOB yang ditawarkan oleh kami atau melalui Perbankan Internet Peribadi UOB.
- Anda hanya boleh mengeluarkan dana dalam gandaan RM5,000 atau gandaan lain yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa di kaunter mana-mana cawangan kami. Apabila jumlah separa tersebut telah berjaya dikeluarkan, Penyata Akaun pada bulan berikutnya akan menunjukkan baki jumlah kurang jumlah yang dikeluarkan.
- Sebarang pengeluaran separa sedemikian tidak akan menjejaskan faedah yang perlu dibayar oleh kami kepada anda untuk jumlah yang tinggal.

Faedah

- Faedah atas deposit dalam Akaun Deposit Berasaskan Masa akan dikira berdasarkan kadar semasa yang ditentukan oleh kami pada waktu penempatan deposit (untuk penempatan baru) atau pembaharuan deposit (untuk pembaharuan).
- Faedah atas deposit dalam Akaun Deposit Berasaskan Masa akan dibayar atas jumlah yang didepositkan apabila tamat tempoh tiga (3) bulan (atau tempoh lain yang berkenaan). Walau bagaimanapun, tiada faedah akan dibayar atas sebarang jumlah yang didepositkan untuk tempoh yang kurang dari tempoh yang digunakan atau tempoh yang tidak lengkap.
- Faedah akan dibayar kepada anda dengan mengkreditkannya dalam Akaun Deposit Berasaskan Masa atau dengan cara lain sedemikian yang kami anggap sesuai.
- Sekiranya tarikh matang Akaun Deposit Berasaskan Masa jatuh pada Sabtu (hujung minggu), hari kelepasan am atau hari bukan perniagaan, tarikh matang akan dibetulkan dengan hari perniagaan berikutnya. Faedah akan dibayar pada tarikh matang yang dibetulkan.

50. Akaun Mata Wang Asing

50.1 Akaun Panggilan Mata Wang Asing ("Akaun Panggilan")

- Hanya individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibenarkan untuk membuka Akaun Panggilan.
- Akaun Panggilan boleh dibuka secara tunggal atau bersama.
- Kad ATM/Debit dan Buku cek tidak akan dikeluarkan untuk Akaun Panggilan.
- Pengeluaran daripada Akaun Panggilan mesti dilakukan dalam kaedah atau cara dan atas terma dan syarat sedemikian yang kami mungkin tetapkan dari semasa ke semasa. Apa-apa kaedah atau cara tertentu untuk pengeluaran boleh diubah atau ditamatkan oleh kami pada bila-bila masa, dengan memberikan notis kepada anda.
- Pengeluaran yang melebihi had tidak dibenarkan. Jika anda melakukan pengeluaran yang melebihi had daripada Akaun Panggilan, jumlah wang yang terlebih keluar tersebut mesti dibayar balik apabila diminta bersama dengan faedah pada kadar sedemikian yang kami mungkin kenakan.
- Mata wang asing yang diterima untuk Akaun Panggilan adalah Dolar Australia, Dolar Kanada, Yuan Cina, Euro, Dolar Hong Kong, Yen Jepun, Dolar New Zealand, Dolar Singapura, Franc Swiss, Pound Sterling dan Dolar US, yang tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa yang ditentukan oleh kami.
- Faedah akan dibayar ke atas sebarang baki kredit dalam Akaun Panggilan dan dikreditkan pada akhir setiap bulan kalendar, pada kadar yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa dan dalam mata wang asing tertakluk kepada anda mengekalkan Baki Purata Bulanan minimum mengikut jenis mata wang anda:

Mata Wang	Baki Purata Bulanan Minimum
USD	2,000
AUD	3,000
HKD	10,000
GBP	1,000
EUR	2,000
NZD	3,000
SGD	5,000

- Jenis mata wang asing dan Baki Purata Bulanan yang tersedia berkaitan dengan Akaun Panggilan akan ditentukan oleh kami.

50.2 Akaun Premium Mata Wang Global ("GCPA")

- Hanya individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibenarkan untuk membuka GCPA.
- Anda boleh memohon GCPA jika anda adalah seorang pelanggan Perbankan Privilege. Dalam hal ini, dan jika berkenaan, terma Akaun Privilege juga akan digunakan untuk GCPA. GCPA tidak boleh ditetapkan sebagai akaun amanah.
- GCPA boleh dibuka secara tunggal atau bersama.
- Kad ATM/Debit dan Buku cek tidak akan dikeluarkan untuk GCPA.
- Faedah akan dibayar ke atas sebarang baki kredit dalam GCPA dan dikreditkan pada akhir setiap bulan kalendar, pada kadar yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa dan dalam mata wang asing.

- (f) Pengeluaran yang melebihi had tidak dibenarkan. Jika atas sebab apa pun, GCPA yang berlebihan, jumlah wang yang terlebih keluar tersebut mesti dibayar balik apabila diminta bersama dengan faedah pada kadar sedemikian yang kami mungkin kenakan.
- (g) Mata wang asing yang diterima untuk GCPA adalah Dolar Australia, Euro, Dolar New Zealand, Dolar Singapura, Pound Sterling dan Dolar US, yang tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa yang ditentukan oleh kami.

50.3 Deposit Masa Mata Wang Asing (“FCTD”)

Kelayakan

Hanya individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibenarkan untuk membuka FCTD.

Deposit

- (a) Kami akan menentukan jumlah minimum yang diperlukan untuk setiap penempatan FCTD ke dalam Akaun FCTD. Setiap deposit mestilah dalam tempoh minimum dan maksimum yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa, pada kadar faedah yang kami tentukan untuk FCTD.
- (b) Jenis mata wang asing yang tersedia berkaitan dengan FCTD akan ditentukan oleh kami.
- (c) Makluman Pengesahan akan dikeluarkan kepada anda untuk setiap deposit yang dimasukkan. Makluman Pengesahan ini merupakan pengesahan penempatan sesuatu deposit ke dalam FCTD dan bukan suatu dokumen hak milik.
- (d) Pengeluaran Makluman Pengesahan yang asal tidak membuktikan bahawa FCTD masih wujud, dan dengan sendirinya tidak boleh dianggap sebagai bukti yang mencukupi untuk membantah apa-apa rekod dalam sistem kami yang menunjukkan bahawa FCTD telah ditarik balik.
- (e) Kami akan memperbaharui FCTD secara automatik pada tarikh matang (berdasarkan arahan sedia ada mengenai tempoh dan cara melupuskan faedah, pada kadar faedah semasa sewaktu pembaharuan) melainkan jika anda mengarahkan yang sebaliknya. Walau bagaimanapun, kami tidak diwajibkan untuk berbuat demikian.

Pengeluaran

- (a) FCTD boleh dikeluarkan sebelum tarikh matang (“Pengeluaran Pramatang”) tertakluk kepada persetujuan kami. Dalam membenarkan pengeluaran awal, kami boleh mengenakan syarat sedemikian termasuk membatalkan sebarang faedah yang perlu dibayar oleh kami kepada anda di bawah penempatan FCTD.
- (b) Untuk sebarang Pengeluaran Pramatang daripada FCTD, faedah terakru ke atas FCTD tidak akan dibayar kepada anda. Sekiranya sebarang faedah telah dikreditkan ke dalam Akaun yang Dinamakan atau FCTD anda sebelum Pengeluaran Pramatang, faedah tersebut akan ditolak daripada jumlah FCTD utama sebelum baki dipulangkan kepada anda.
- (c) Pengeluaran separa tidak dibenarkan untuk FCTD.
- (d) Sebarang arahan yang berhubung dengan pengeluaran daripada FCTD mesti mempunyai tandatangan anda, atau melalui cara elektronik sedemikian yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa. Apa-apa bayaran yang dilakukan oleh kami menurut sebarang arahan yang dikatakan telah ditandatangani oleh anda atau melalui cara elektronik sedemikian akan dianggap sebagai telah dilakukan sewajarnya mengikut kebenaran anda dan kami akan dilepaskan dan dibebaskan daripada sebarang liabiliti kepada anda atau kepada mana-mana pihak lain berkenaan arahan sedemikian.
- (e) Kami mungkin memerlukan anda untuk mengemukakan kad pengenalan atau pasport anda (atau apa-apa cara pengenalan lain yang boleh diterima oleh kami) untuk sebarang pengeluaran daripada Akaun FCTD.

Faedah

- (a) Faedah atas FCTD adalah pada kadar yang kami tentukan pada waktu penempatan atau pembaharuan (yang mana berkenaan) (“**Kadar Faedah Berkontrak**”) dan dalam mata wang asing. Kadar faedah sedemikian boleh didapati di mana-mana cawangan di mana Akaun FCTD dikekalkan.
- (b) Kami akan mengira faedah yang perlu dibayar ke atas mana-mana FCTD pada Kadar Faedah Berkontrak berdasarkan bilangan hari sebenar ia didepositkan ke dalam Akaun FCTD, termasuk tarikh penempatan tetapi tidak termasuk tarikh matang, dengan syarat bahawa ia dikekalkan dalam Akaun FCTD bagi tempoh penempatan penuh. Formula untuk pengiraan faedah adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Prinsipal} \times \text{Kadar Faedah Berkontrak} \times \text{Jumlah Hari}}{\text{Jumlah hari dalam tahun kalendar}}$$

Nota: bilangan hari asas dalam satu tahun kalendar mungkin berbeza bergantung pada mata wang asing (GBP HKD & SGD – 365 hari, CAD, CNH, AUD, CHF, EUR & USD- 360 hari).

- (c) Faedah akan dibayar pada hari matang pada kadar faedah semasa yang sesuai.

50.4 Terma Am

Pematuhan pada Notis Dasar Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh BNM dan/atau Pengawal Pertukaran Asing

- (a) Pembukaan dan pengendalian Akaun Panggilan, GCPA dan/atau FCTD adalah tertakluk kepada syarat kelayakan dan peraturan yang ditetapkan oleh BNM dan/atau Pengawal Pertukaran Asing (secara kolektif, “Peraturan FX”), di mana satu salinan Peraturan FX boleh didapati daripada laman web BNM di www.bnm.gov.my/fxadmin (“Laman Web”). Anda bertanggungjawab untuk memeriksa Laman Web dari semasa ke semasa untuk maklumat terkini atau perubahan kepada Peraturan FX.
- (b) Dengan meneruskan penggunaan dan pengendalian Akaun Panggilan, GCPA dan/atau FCTD anda dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Peraturan FX pada setiap masa.
- (c) Sebagai tambahan kepada yang di atas, kami boleh mengenakan syarat tambahan yang berkenaan dengan pembukaan dan pengendalian Akaun Panggilan, GCPA dan/atau FCTD bagi tujuan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada, pematuhan kepada sebarang undang-undang, garis panduan, peraturan, pengawalan, polisi dan/atau kewajipan yang digunakan ke atas kami (sama ada di dalam atau di luar Malaysia) (secara kolektif, “Syarat”).
- (d) Dalam usaha untuk mematuhi Peraturan FX dan/atau Syarat, kami mempunyai hak mutlak untuk:
 - (i) menukar wang dalam Akaun Panggilan, GCPA dan/atau FCTD atau mana-mana bahagian daripadanya ke mata wang lain pada kadar sedemikian dan pada waktu sedemikian yang kami anggap sesuai; dan/atau

- (ii) menolak atau membalikkan deposit atau mana-mana bahagian daripadanya yang akan dikreditkan atau didepositkan ke dalam Akaun Panggilan, GCPA dan/atau FCTD,
- (iii) mengambil semua tindakan yang perlu seperti yang dikehendaki di bawah Peraturan FX dan/atau Syarat, pada bila-bila. Jika ini berlaku, kami akan mengkreditkan wang sedemikian yang kami telah menukar, menolak atau membalikkan kepada mana-mana akaun lain yang anda miliki dengan kami atau untuk mengeluarkan perintah juruwang di bawah nama anda atau dalam apa-apa cara lain sedemikian yang kami mungkin tentukan.

50.5 Risiko Mata Wang Asing

- (a) Anda mengakui dan menerima bahawa:-
 - (i) pasaran mata wang asing adalah tidak menentu;
 - (ii) kerugian boleh dialami akibat pergerakan kadar pertukaran yang kurang baik;
 - (iii) kadar faedah mungkin turun naik setiap hari dan tertakluk kepada perubahan.
- (b) Kami berhak untuk menukar satu mata wang ke mata wang yang lain mengikut cara yang kami mungkin tentukan dan pada kadar pertukaran semasa kami. Anda mesti melindungi kami daripada apa-apa kekurangan dan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian dan risiko yang timbul daripada penukaran tersebut. Ini akan digunakan untuk apa-apa penukaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada:-
 - (i) penukaran apa-apa wang dalam Akaun Panggilan, GCPA dan/atau FCTD atau jumlah lain yang kami mungkin berhutang kepada anda ke apa-apa mata wang lain bagi tujuan melaksanakan sebarang arahan, mengkreditkan apa-apa akaun, menilai liabiliti anda atau menguatkuasakan hak kami di bawah Terma ini (termasuk untuk melaksanakan sebarang tolok selesai atau penggabungan mana-mana akaun oleh kami);
 - (ii) penukaran sebarang baki akaun atau mana-mana bahagian daripadanya (dan jika kami pilih, bersama dengan faedah terakru ke atas jumlah yang ditukar tersebut) ke mana-mana mata wang lain yang kami mungkin pilih pada waktu baki tersebut atau sebahagian daripadanya dijangka dan perlu dibayar oleh kami. Apabila kami membayar anda dalam mata wang tersebut, ia akan merupakan pelepasan penuh dan lengkap bagi tanggungjawab kami; atau
 - (iii) penukaran apa-apa wang yang diterima oleh kami dalam apa-apa mata wang ke mata wang Akaun Panggilan, GCPA dan/atau FCTD atau mata wang di mana bayaran akan dilakukan kepada anda atau mana-mana pihak lain menurut pengeluaran wang dalam Akaun Panggilan, GCPA dan/atau FCTD.
- (c) Kami tidak bertanggungjawab dalam apa-apa cara, apabila:-
 - (i) nilai deposit dalam Akaun Panggilan, GCPA dan/atau FCTD telah berkurangan disebabkan oleh cukai, susut nilai atau turun naik dalam kadar pertukaran atau atas apa-apa sebab lain;
 - (ii) kami tidak dapat membayar anda deposit dalam Akaun Panggilan, GCPA dan/atau FCTD atau faedah (jika ada) ke atas deposit dalam Akaun Panggilan, GCPA dan/atau FCTD dalam mata wang yang anda perlukan;
 - (iii) deposit dalam Akaun Panggilan, GCPA dan/atau FCTD tidak disediakan untuk apa-apa sebab termasuk:-
 - I. apa-apa perubahan dalam Peraturan FX, Syarat, undang-undang, peraturan, pengawalan atau pengenalan Peraturan FX, Syarat, undang-undang, peraturan atau pengawalan yang baru atau sebarang tindakan kerajaan, bank pusat, pihak berkuasa kewangan atau entiti lain di mana-mana negara yang berkenaan dan tanpa had kepada, kawalan pertukaran, sekatan terhadap kebolehtukaran, pembekuan, moratorium, ekspropriasi, tuntutan, perubahan dalam mata wang negara untuk apa-apa sebab sekalipun (termasuk negara yang merupakan sebahagian daripada mana-mana kesatuan kewangan), pemindahan paksaan atau rampasan harta dalam apa-apa bentuk;
 - II. *force majeure*, bencana alam, tindakan perindustrian, peperangan, keganasan, perang saudara, rusuhan atau keadaan huru-hara politik atau ekonomi di negara yang mengeluarkan mata wang; atau
 - III. apa-apa keadaan lain di luar kawalan kami.
- (d) Jika apa-apa peristiwa yang dinyatakan dalam Klausa 50.5(c) (iii) berlaku, kami boleh, menukar mata wang deposit ke apa-apa mata wang lain dan meminta daripada anda kos untuk menukarkan deposit tersebut serta sebarang kos lain yang kami tanggung untuk berbuat demikian.
- (e) Kami tidak diwajibkan untuk membayar anda deposit dalam Akaun Panggilan, GCPA dan/atau FCTD (dalam mata wang deposit atau apa-apa mata wang lain) jika, berhubung dengan kesatuan kewangan di kalangan mana-mana kumpulan negara (seperti Kesatuan Kewangan Eropah) pembentukan, pembubaran atau perubahan dalam komposisi negara yang mengambil bahagian, dasar, amalan atau persekitaran pengawalseliaan sesuatu kesatuan kewangan, menyebabkan sekatan dalam ketersediaan, kredit atau pemindahan mata wang yang berkenaan atau sebaliknya menjadikannya mustahil atau tidak praktikal untuk kami melaksanakan kewajipan kami berhubung dengan pendepositan mata wang yang berkaitan ke dalam Akaun Panggilan, GCPA dan/atau FCTD.

BHG. I. MAKNA PERKATAAN

'**Akaun**' merujuk kepada sebarang akaun deposit yang anda miliki pada masa ini atau masa hadapan dengan kami atau sebarang akaun lain yang ditawarkan oleh kami di masa hadapan dan sebarang akaun yang digunakan untuk tujuan Perkhidmatan dan di mana dana boleh digunakan untuk penggunaan Perkhidmatan, sama ada akaun dibuka secara tunggal atau bersama.

'**Pemegang Akaun**' atau '**anda**' bermakna pemegang akaun individu (sama ada secara tunggal atau bersama) untuk Akaun (yang mana berkenaan) dan termasuk wakil peribadi, waris, pengganti hak milik dan pemegang serah hak masing-masing.

'**Slip pengesahan**' bermakna slip pengesahan yang membuktikan penempatan jumlah deposit ke dalam Akaun Deposit Berasaskan Masa pada tarikh yang dinyatakan padanya.

'**Undang-undang yang Digunakan**' bermakna semua statut, undang-undang, peraturan, pengawalan, garis panduan (termasuk tetapi tidak terhad kepada garis panduan Bank Negara Malaysia), arahan dan pekeliling yang berkaitan atau berkenaan (sama ada yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah, tribunal, badan kerajaan atau pihak berkuasa atau organisasi kawal selia sendiri yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana individu lain dalam Kumpulan).

'**ATM**' bermakna Mesin Juruwang Automatik.

'**Kemudahan Had Automatik**' bermakna Kemudahan Overdraft.

'**BLR**' bermakna kadar faedah yang ditetapkan oleh kami dari semasa ke semasa sebagai kadar pinjaman minimum kami berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM.

'**BR**' bermakna kadar asas yang merupakan kadar rujukan bagi penetapan harga kemudahan pinjaman/pembiayaan runcit oleh kami.

'**BNM**' bermakna Bank Negara Malaysia.

'**Hari Perniagaan**' bermakna mana-mana hari di mana Bank dibuka dan/atau beroperasi dalam negeri di mana tempat perniagaan Bank bertempat untuk urusan perniagaan dalam bentuk yang diperlukan atau dimaksudkan oleh Terma ini. Hari perniagaan untuk

mendepositkan mata wang asing bermakna hari di mana kami dan mana-mana pusat perniagaan berkenaan yang diperlukan untuk transaksi mata wang asing berkenaan dibuka untuk perniagaan.

'Kod' bermakna Kod Hasil Dalam Negeri 1986 yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat.

'Makluman Pengesahan' bermakna slip pengakuan atau makluman penempatan yang dikeluarkan oleh kami kepada anda yang membuktikan sesuatu transaksi dalam Akaun, termasuk tetapi tidak terhad kepada penempatan atau pengeluaran jumlah deposit dalam Akaun pada tarikh yang dinyatakan dalam slip pengakuan atau nasihat penempatan tersebut.

'Kad Kredit' bermakna kad kredit (ungkapan ini termasuk sebarang kad pengganti) dengan jenama Visa/MasterCard International yang dikeluarkan oleh kami kepada anda. Anda boleh merujuk kepada laman web rasmi kami di www.uob.com.my atau Perjanjian Ahli Kad Visa/MasterCard UOB untuk perkhidmatan penuh yang disediakan dengan Kad Kredit.

'Hari' bermakna hari kalendar dalam kalendar Gregory.

'DCHEQS' bermakna Sistem Maklumat Cek-cek Tidak Laku.

'Kad Debit' bermakna kad (ungkapan ini termasuk sebarang kad pengganti) yang dikeluarkan kepada anda untuk digunakan di, tetapi tidak terhad kepada, terminal ATM dan EFTPOS. Anda boleh merujuk kepada laman web rasmi kami di www.uob.com.my atau Terma dan Syarat Debit MasterCard UOB untuk perkhidmatan penuh yang disediakan dengan Kad Debit.

'Deposit' bermakna sebarang Ringgit Malaysia atau mata wang asing/deposit tetap yang dikekalkan dalam mana-mana Akaun.

'EFTPOS' bermakna perkhidmatan pemindahan dana elektronik yang disediakan pada masa jualan antara anda dan pihak ketiga.

'Akaun yang Layak' bermakna akaun yang dikekalkan dengan kami yang termasuk dalam apa-apa kategori yang kami mungkin tentukan dari masa ke masa sebagai layak untuk diambil kira dalam pengiraan Aset Di Bawah Pengurusan untuk Akaun Privilege atau Akaun Wealth Premium.

'ePenyata' bermakna penyata elektronik yang disediakan untuk paparan melalui PIB selepas anda mendaftar untuk perkhidmatan ePenyata bagi Akaun.

'Peristiwa Keingkaran' bermakna apa-apa peristiwa atau perkara yang dinyatakan dalam Klausula 8.

'FATCA' bermakna peraturan serta garis panduan lain yang dikeluarkan di bawah Kod, setiap satunya dipinda dari semasa ke semasa (lazimnya dikenali sebagai Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing) ("FATCA") atau apa-apa perjanjian lain yang dimeterai dengan atau antara pihak berkuasa bagi pelaksanaan FATCA.

'Kumpulan' bermakna cawangan, agensi, pejabat wakil, syarikat gabungan, bersekutu atau berkaitan kami, serta pegawai, kakitangan atau agen mereka, sama ada berada di dalam atau di luar Malaysia, dan juga termasuk kami.

'Proses Undang-undang' mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sebarang proses pemula dengan mengemukakan writ saman dan saman pemula serta apa-apa bentuk proses pemula, rayuan, permohonan interlokutori, affidavit, perintah, penghakiman dan apa-apa dokumen lain yang perlu disampaikan di bawah sebarang undang-undang bertulis dan notis sedemikian di bawah Akta Insolvency 1967.

'UOB TMRW App' merujuk kepada aplikasi mudah alih yang dimiliki oleh kami di mana anda boleh muat turun dari App Store atau Google Play dengan menggunakan telefon pintar atau tablet anda. UOB TMRW App membolehkan anda mengakses ciri-ciri seperti "UOB Insights", "Rewards+", "UOB Pay" dan "UOB Access". Ciri-ciri "UOB Insights" menganalisis transaksi kewangan pemegang akaun yang lalu dan memberi cerapan yang berkaitan. Ciri-ciri "Rewards+" membolehkan pemegang akaun mengakses tawaran makan, beli-belah dan perlancongan eksklusif. Ciri-ciri "UOB Pay" membolehkan pemegang akaun yang mempunyai kad kredit atau debit yang dikeluarkan oleh kami untuk mewujudkan e-wallet maya dengan menggunakan telefon pintar atau tablet untuk transaksi pembayaran tanpa sentuhan di tempat pedagang-pedagang yang mengambil bahagian tanpa perlu meleretkan kad kredit atau debit yang benar. Ciri-ciri "UOB TMRW App" membolehkan anda mengakses Akaun anda, melakukan permohonan dalam talian melalui Perkhidmatan Permohonan Dalam Talian dan melaksanakan Transaksi dengan menggunakan Perkhidmatan Pembayaran Bil, Perkhidmatan JomPAY dan Perkhidmatan Pembayaran Berjadual. Ciri-ciri "UOB Access" membolehkan anda melancarkan token keselamatan digital yang menggantikan dan juga bertindak sebagai lapisan keselamatan tambahan untuk OTP.

'Perkhidmatan Mudah Alih' bermakna perkhidmatan perbankan mudah alih yang kami sediakan untuk anda dari semasa ke semasa (seperti UOB TMRW App) yang membolehkan anda, dengan menggunakan sebarang Peralatan (seperti telefon pintar atau tablet) untuk mengakses Akaun anda, melaksanakan sebarang Transaksi secara elektronik dan/atau menikmati perkhidmatan yang disediakan oleh kami kepada anda termasuk tetapi tidak terhad kepada ciri-ciri yang disediakan melalui UOB TMRW App seperti "UOB Insights", "Rewards+", "UOB Pay" dan "UOB Access".

'MEPS' bermakna Malaysian Electronic Payment System.

'Baki Purata Bulanan' bermakna jumlah baki penghujung hari setiap hari yang dicatatkan dalam Akaun, dibahagikan dengan jumlah hari akaun dikekalkan dengan Bank, dalam tempoh sebulan.

'OTP' bermakna kata laluan sekali.

'Kemudahan Overdraf' bermakna kemudahan overdraf yang kami mungkin sediakan kepada anda, tertakluk kepada persetujuan kami dari semasa ke semasa.

'Data Peribadi' bermakna sebarang maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada seorang individu, yang bagi tujuan Terma ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat, pekerjaan, butiran perhubungan, maklumat yang diperoleh daripada sistem keselamatan (termasuk rakaman imej di Televisyen Litar Tertutup (CCTV)), maklumat berhubung dengan Akaun yang dipegang sama ada secara bersendirian atau bersama dengan mana-mana individu lain, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang anda telah melanggan dengan kami serta data lain sedemikian yang diperlukan mengenai diri anda dan transaksi anda dengan kami.

'PIN' bermakna kata laluan, ID log masuk, PIN (nombor pengenalan peribadi), CIN (nombor pengenalan pelanggan, yang terdiri daripada kod akses dan PIN), tandatangan pengenalan elektronik atau kod yang diberikan kepada, atau dipilih oleh anda yang digunakan untuk mengesahkan identiti anda semasa mengakses dan mengendalikan Akaun.

'Kadar yang Ditetapkan' bermakna kadar faedah yang digunakan ditambah BR, yang dikenakan atas jumlah yang terlebih keluar daripada Akaun pada setiap bulan atau kiraan atas baki lain yang mungkin ditentukan oleh kami.

'RM' bermakna Ringgit Malaysia.

'Sekatan' bermakna sekatan, embargo atau langkah-langkah terbatas yang ditadbir, digubal atau dikuatkuasakan oleh mana-mana kerajaan, institusi atau agensi kerajaan, pengawal selia atau pihak berkuasa.

'Perkhidmatan' bermakna apa-apa perkhidmatan yang kami sediakan kepada anda termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kad ATM, perkhidmatan Pusat Panggilan, perkhidmatan elektronik atau Perbankan Internet Peribadi atau Perkhidmatan Mudah Alih.

'Penyata Akaun' bermakna salinan fizikal penyata yang kami keluarkan kepada anda setiap bulan atau sebarang penyata tambahan lain yang dikeluarkan atas permintaan anda, atau ePenyata bulanan yang disediakan untuk paparan melalui PIB yang menunjukkan semua transaksi dalam Akaun, termasuk deposit, pengeluaran dan baki wang dalam Akaun.

'Jumlah Pendahuluan' bermakna jumlah prinsipal yang dipinjamkan atau didahulukan kepada anda oleh kami menurut Kemudahan Overdraf.

'Terma' bermakna terma dan syarat ini yang mentadbir Akaun (termasuk sebarang pindaan atau penambahan kepadanya yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa).

'Subjek Data Pihak Ketiga' bermakna seorang individu di mana Data Peribadi beliau telah diberikan kepada kami oleh anda dan mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada penerima mandat, waris, tanggungan, penjamin individu, dan pembekal keselamatan anda.

'Perbankan Internet Peribadi UOB' atau 'PIB' bermakna perkhidmatan dan/atau produk perbankan internet peribadi yang kami sediakan kepada anda dari semasa ke semasa melalui sebarang peralatan yang membolehkan anda mengakses Akaun anda dan/atau melaksanakan perbankan dan/atau transaksi lain secara elektronik.

'AS' bermakna Amerika Syarikat.

'Rakyat AS'

Istilah "Rakyat Amerika Syarikat" merujuk kepada:

- Warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat.
- Perkongsian domestik
- Syarikat tempatan
- Mana-mana harta pusaka selain daripada harta pusaka asing
- Mana-mana amanah jika:
 - Mahkamah di Amerika Syarikat mempunyai kuasa utama untuk menyelia pentadbiran amanah tersebut, dan
 - Seorang atau lebih individu dari Amerika Syarikat mempunyai kuasa untuk mengawal semua keputusan penting berkaitan amanah tersebut.
- Mana-mana individu lain yang bukan individu asing.

Jika anda bukan warganegara A.S., anda dianggap sebagai bukan pemastautin Amerika Syarikat bagi tujuan cukai A.S. melainkan anda memenuhi salah satu daripada dua ujian. Anda dianggap sebagai pemastautin Amerika Syarikat bagi tujuan cukai jika anda memenuhi sama ada ujian kad hijau atau ujian kehadiran ketara bagi tahun kalendar (1 Januari – 31 Disember).

'kami', 'kita', atau 'Bank' bermakna United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (199301017069 (271809-K)) dan di mana sesuai, akan termasuk pengganti hak milik dan pemegang serah haknya.